

LAMPIRAN A

Lee Hishammuddin Allen & Gledhill

advocates and solicitors

Level 16, Menara Tokio Marine Life,
No. 189, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia.

P.O. Box 11215, 50738 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +603 2161 2330
Fax: +603 2161 3933 / 1661
www.lh-ag.com

Please quote our reference when replying

Our reference: MFF/RD/ /2014

Your reference:

29 April 2014

Consultant	Senior Associates	Partners	Associates	Fara Nadia Hashim	Saran Mutang Tagal
Dato' KC Vohrah	Ng Leong Hui Nitin V. Nadkarni Ong Eu Jin Ooi Bee Hong	Dato' Thomas M. L. Lee Datuk D. P. Naban	Abdul Hasib Ishak Chai Meng Ling Conrad Francis Lopez Darshendev Singh Jajest Singh Eunice Chan Wei Lynn Genelle Chung Sim Yee Hol Jack S'ng Katherine Tan Hui Y'ing Mohd Khalil Ezane Azman Siti Fatimah Mohd Shahrin	Ho Ai Ting Janet Olivia Tang Muo Lung Jasmine Yap Chin Wen Jean Tey Shi Hui Jeremy Lim Wei Chang Joanna D' Silva Josephine Chin Fong Leng Jostah Lim Yun - Xi Kellie Allison Yap Siu Yin Kho Chin Chau Kok Lihong Lam Jia Chuen Lee Kai Ching Lee Wei Ting Lim Tsu Ming Lim Zhi Jian Loganath A/L Gunasagaram Lyssa Loh Lee Keen Meerasree A/P Ganagan Muhammad Daniel Bin Hafiz Steven Law Muhammad Faizal Falz Bin Mohd Hasani Nadiah Binti Abd Majid Ng Kar Kay Ng Nan Sin Norsyazreen Binti Mohamed Salleh Samson Mah Chang Jun	Seet Wan Zheng Sharifullah Bin Abdul Majeed Tan Hooi Ping Tan Jia Xin Tan Li Choon Tan Sze Pei Tariq Azfar Bin Makelab Teong Soo Zanne Tharishni A/P V Arumugam Timothy Nalk Shiang Jon Vinu A/L Kamalanathan Wan Khairul Anwar Manan Wong Shir-Leen Yong Shi Han Yong Yishan Christina Yong Yit Jee Zaharah Binti Othman
Senior Partners	Rosl Dahlan S. Saravana Kumar Sean Yeow Huiang-Meng Sh Shantnugam Tan Gek In Tay Weng Hwee	Aaron Gerard Sankar Adin Abdul Majid Andrew Chiew Ean Vooi Angeline Cheong May May Ang Huan Leng Aniza Osman Aznam Dato' Mansor Bahari Yeow Tien Hong Chia Loong Thye Dato' T. Thavalingam G. Vijay Kumar Himahlini Ramalingam Koh Kek Hoe Kumar Kanagasingam Lambert Raza-Rajnam Lim Heng Seng Loh Chu Bian Megat Hizziati Hassan Mong Chung Seng	Aaina Lyana Binti Abd Manaf Ainza Shahrirah Mohd Nor Anisa Izwin Bi Mohd Altandi Arie Wong Fong Chin Ashley Lee Si Han Bella Chu Chai Yee Carmen Tan Chia Wen Chai Shwu Yi Chia Oh Sheng Christine Chan Ee Yin Cindy Sim Xin Yee Crystal Wong Wai Chin Eileen Tan Yuh Wen Elise Ng Yee Suang		

(All names in alphabetical order)

YA Tuan Ibrahim Bin Deris
Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan
Bahagian Pendakwaan,
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan,
Kompleks Pusat Islam Malaysia,
Jalan Perdana,
50676, Kuala Lumpur.

Faksimili: 03 – 2274 9654 &
Serahan Tangan

Acknowledge receipt



Company Chop and Signature
Date:

YA Tuan,

Per: Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Di Wilayah Persekutuan Putrajaya
Kes JAWI.BPK.(S).1000-1/2/511
Pendakwa Syarie ... Pendakwa

Kassim @ Osman Bin Ahmad ... Tertuduh

Adalah dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas di mana kami mewakili Kassim @ Osman Bin Ahmad ("OKT").

2. Kami difahamkan bahawa kes tersebut telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 6.5.2014 dan 7.5.2014.
3. Kami membawa kepada perhatian Tuan perkara berikut:
 - a) OKT menghadapi masalah mendapatkan Peguam Syarie yang bersedia mewakili beliau dalam pendakwaan ini dan Peguam Syarie yang dirujuk sebelum ini telah menarik diri;

- b) Oleh itu, demi memartabatkan sistem keadilan Islam bahawa setiap orang berhak mendapatkan pembelaan yang saksama, kami telah menyatakan kesediaan menerima perantaraan oleh OKT untuk mewakili beliau di dalam perbicaraan kes ini;
 - c) Pihak kami memerlukan masa untuk menemuramah dan membincangkan kes ini bersama OKT dan saksi-saksi lain; dan
 - d) En Rosli Dahlan, peguam syarie yang akan mengendalikan Kes ini telah pun berangkat ke luar Negara dan akan hanya kembali pada petang 5.5.2014.
4. Atas sebab yang dinyatakan diatas, kami dengan rendah diri memaklumkan bahawa kami akan memohon supaya perbicaraan yang ditetapkan pada 6.5.2014 dan 7.5.2014 dapat ditangguhkan pada tarikh yang lain dan mengharapkan ihsan dan budibicara Tuan supaya dapat bersetuju dengan permohonan kami.
5. Kami juga memohon jasa baik Tuan untuk membekalkan kami dengan dokumen-dokumen berikut: -
- a) Sesalinan Kertas-Kertas Pertuduhan;
 - b) Laporan Maklumat Pertama berkenaan dengan perkara di atas;
 - c) Semua pernyataan beramaran yang diambil daripada OKT di bawah Kanun Acara Jenayah Syariah atau di bawah mana-mana peruntukan undang-undang dan semua dokumen-dokumen yang disebut/dirujuk di dalam pernyataan-pernyataan tersebut;
 - d) Borang serah-menyerah bagi barang yang dirampas/Senarai Bongkar;
 - e) Gambar-gambar yang berkaitan;
 - f) Laporan-laporan pakar yang relevan dan berkaitan dengan kes ini;
 - g) Senarai saksi yang akan dipanggil untuk perkara diatas; dan
 - h) Segala dokumen-dokumen yang bakal digunakan di dalam perbicaraan ini.
6. Permohonan kami adalah selaras dengan amalan yang terpakai dibawah peruntukan s. 51A Kanun Acara Jenayah dan prinsip hak perbicaraan yang adil di bawah Artikel 5 Perlembagaan Persekutuan.
7. Kami berharap agar dokumen-dokumen di atas dapat dibekalkan kepada kami dalam tempoh yang munasabah bagi membolehkan pihak kami bersedia untuk membuat surat representasi dan/atau untuk perbicaraan.

8. Kerjasama dan tindakan awal dari pihak Tuan amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
Lee Hishammuddin Allen & Gledhill

Muhammad Faizal Faiz Bin Mohd Hasani
Talian Terus: 603 2170 5912
Email: mff@lh-ag.com

s.k. 1) Anakguam

LAMPIRAN B

Lee Hishammuddin Allen & Gledhill

advocates and solicitors

Level 16, Menara Tokio Marine Life,
No. 189, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia.

P.O. Box 11215, 50738 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +603 2161 2330

Fax: +603 2161 3933 / 1661

www.lh-ag.com

Please quote our reference when replying

Our reference: AKA/RD/ /2014

Your reference: JAWI.BPD/KL/MTS/36/A.559
/012/2014

21 May 2014

Consultant Dato' KC Vohrah	Ng Leong Huat Nitin V. Nadkarni Ong Eu Jin Ooi Bee Hong Rosli Dahlan S. Saravana Kumar Sean Yeow Huang-Meng SM Shanmugam Tan Gek Im Tay Weng Hwee	Senior Associates Abdullah Khubayb Bin Awaluddin Chai Meng Ling Conrad Francis Lopez Darshendev Singh Jajeet Singh Eunice Chan Wei Lynn Genelle Chung Sim Yee Hoi Jack Sing Katherine Tan Huel Ying Mohd Khairil Ezane Azman Siti Fatimah Mohd Shahrom	Elise Ng Yee Suang Fara Nadia Heshim Ho Ai Ting Janet Olivia Tang Muo Lung Jasmine Yap Chin Wen Jeremy Lim Wei Chang Joanna D' Silva Josephine Chin Fong Leng Josiah Lim Yun - Xi Kellie Allison Yap Siu Yin Kho Chin Chau Kok Lihong Lam Jia Chuen Lee Kah Ching Lee Wei Ting Lim Tsu Ming Lim Zhi Jian Loganath A/L Gunasagaram Lyssa Loh Lee Kean Meerasree A/P Ganasan Muhammad Daniel Bin Hafiz Steven Law Muhammed Fattal Faiz Bin Mohd Hasani Nadiyah Binti Abd Majid Ng Kar Kay Ng Nen Sin Norsyazreen Binti Mohamed Salleh Rashini A/P Balakrishnan	Samson Mah Chang Jun Saran Mutang Tegal Seet Wan Zheng Sharifullah Bin Abdul Majeed Tan Hooi Ping Tan Jia Xin Tan Lih Choon Tan Sze Pei Tariq Azfar Bin Maketab Teong Soo Zanne Theahni A/P V Arumugam Timothy Naik Shiang Jon Vinu A/L Kamalanathan Wan Khairul Anwar Manan Wong Shi-Leen Yong Shih Han Yong Yishan Christina Yong Yit Jee Zaharah Binti Othman
Senior Partners Dato' Thomas M. L. Lee Datu D. P. Naban				
Partners Aeron Gerard Sankar Adlin Abdul Majid Andrew Chiew Ean Vooi Angeline Cheong May May Ang Hean Leng Aniza Osman Aznam Dato' Mansor Bahari Yeow Tien Hong Chia Loong Thye Dato' T. Thavalingam G. Vijay Kumar Himahlini Ramalingam Koh Kek Hoe Kumar Kanagesingam Lambert Rasa-Ratnam Lim Heng Seng Loh Chu Bian Megal Hizatni Hassan Mong Chung Seng		Associates Aaina Lyana Binti Abd Manaf Aineeh Shehriah Mohd Nori Anisa Izwin Bt Mohd Affandi Aric Wong Fong Chin Ashley Lee Si Han Bella Chu Chai Yee Cermen Tan Chia Wen Chai Shwu Yi Chan Tay Lai Chia Oh Sheng Christine Chan Ee Yin Cindy Sim Xin Yee Crystal Wong Wai Chin Eileen Tan Yuh Wen		

(All names in alphabetical order)

YBhg. Tuan Ibrahim Bin Deris

Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan
Bahagian Pendakwaan,
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan,
Kompleks Pusat Islam Malaysia,
Jalan Perdana,
50676 Kuala Lumpur

Faksimili 03 – 2274 9654 &
Serahan Tangan

YBhg. Tuan,

Per: Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Di Wilayah Persekutuan Putrajaya
Kes 14400-134-0010-2014, 14400-136-0011-2014 dan 14400-134-0014-2014
Ketua Pendakwa Syarie ... Pendakwa

Kassim @ Osman Bin Ahmad ... Tertuduh

Adalah dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas di mana kami mewakili Tertuduh Kassim @ Osman Bin Ahmad ("OKT").

- Pada tarikh bicara 6 Mei 2014, kes ini telah ditangguhkan atas permintaan pihak Tuan yang mahu meminda dan menambah pertuduhan terhadap OKT. Kami juga telah memaklumkan Mahkamah Syariah Yang Mulia bahawa terdapat satu Semakan Kehakiman di Mahkamah Tinggi Sivil yang, antara lain, mencabar kesahihan tindakan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan ("JAWT") dan juga kesahihan pengemukaan pertuduhan-pertuduhan terhadap OKT di hadapan Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya.

3. YA Hakim Syarie telah bersetuju supaya pembacaan pertuduhan-pertuduhan pindaan dan tambahan ditangguhkan sehingga isu samada JAWI bertindak dalam bidangkuasanya dan samada kes ini dalam bidangkuasa tempatan Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan diputuskan. Sehubungan itu, YA Hakim Syarie telah mengarahkan supaya penghujahan bertulis dibuat seperti berikut:
 - a) OKT memfailkan hujahan bertulis pada atau sebelum 26 Mei 2014;
 - b) Pendakwaan memfailkan hujahan bertulis pada atau sebelum 9 Jun 2014;
 - c) OKT memfailkan hujahan jawapan pada 24 Jun 2014;
 - d) keputusan berhubung isu bidang kuasa akan diberikan pada 17 Julai 2014; dan
 - e) prosiding ini digantung/ditangguhkan sehingga isu bidang kuasa diputuskan.
4. Sehubungan itu, Mahkamah Yang Mulia Ini telah mengarahkan pihak Tuan untuk membekalkan semua dokumen yang kami pohon melalui surat kami kepada Tuan bertarikh 29 April 2014. Alasan yang Tuan berikan bahawa kesahihan kami sebagai peguam Syarie yang sah mewakili OKT adalah satu dalih yang tidak sepatutnya dikemukakan langsung sedangkan dokumen-dokumen tersebut adalah perlu untuk mencapai satu perbicaraan yang adil.
5. Kami berdukacita bahawa sehingga kini, setelah hampir sebulan berlalu, pihak Tuan masih gagal berbuat demikian. Kecuaian, kegagalan dan/atau keengganan pihak Tuan tersebut tidak memberikan gambaran yang baik kepada jabatan Tuan sedangkan pihak pendakwaan dan pihak pembelaan mempunyai peranan masing-masing dalam menegakkan keadilan. Pihak Tuan sedia maklum bahawa dokumen-dokumen tersebut adalah perlu demi membolehkan kami menyiapkan hujahan bertulis yang lengkap yang dapat membantu Mahkamah Yang Mulia ini dalam membuat keputusan yang betul dan tepat. Oleh itu, kami sekali lagi memohon jasa baik Tuan untuk membekalkan kami dengan dokumen-dokumen yang dipohon tersebut, terutama sekali: -
 - a) Aduan kesalahan terhadap OKT;
 - b) Siasatan aduan terhadap OKT dibawah s. 7(b) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 ("Akta Tatacara Jenayah");
 - c) Maklumat bertulis berkaitan siasatan terhadap OKT dibawah s. 54 Akta Tatacara Jenayah;
 - d) Laporan Pegawai Penguatkuasa Agama dibawah s. 66 Akta Tatacara Jenayah;
 - e) Waran geledah dan waran tangkap terhadap OKT;
 - f) Segala suratcara antara Bahagian Penguatkuasaan JAWI dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah ("JHEAIK") berhubung serbuan dan tangkapan terhadap OKT di rumahnya di Kulim Kedah;

- g) Laporan polis tentang tangkapan terhadap OKT;
 - h) Bon jamin diri dibawah s. 33 dan/atau s. 40 Akta Tatacara Jenayah;
 - i) Sebarang Perintah oleh Hakim Mahkamah Rendah Syarie di Kulim Kedah dibawah s. 37 Akta Tatacara Jenayah;
 - j) Tiket penerbangan yang membawa OKT dan isterinya dari Lapangan Terbang Pulau Pinang ke LCCT Sepang;
 - k) Apa-apa pernyataan siasatan yang dirakamkan dari OKT samada di Kulim Kedah, di Pulau Pinang atau di mana-mana kawasan dalam Wilayah Persekutuan;
 - l) Semua pernyataan beramaran yang diambil daripada OKT di bawah Kanun Tatacara Jenayah atau di bawah mana-mana peruntukan undang-undang dan semua dokumen-dokumen yang disebut/dirujuk di dalam pernyataan-pernyataan tersebut;
 - m) Borang serah-menyerah bagi barang yang dirampas/Senarai Bongkar;
 - n) Gambar-gambar dan rakaman video khususnya yang berkaitan serbuan, penggeledahan, siasatan, pemeriksaan dan tangkapan terhadap OKT;
 - o) buku harian penyiasatan Pegawai Penguatkuasa Agama yang relevan dan berkaitan dengan penyiasatan terhadap OKT;
 - p) Senarai saksi yang akan dipanggil untuk perkara diatas; dan
 - q) Segala dokumen-dokumen yang bakal digunakan di dalam perbicaraan ini.
5. Kami yakin pihak Pendakwaan juga mempunyai aspirasi mahu menegakkan keadilan dalam memartabatkan undang-undang Syariah sebagai sistem perundangan yang adil dan saksama demi menjadikan negara Malaysia sebagai negara yang berpaksikan kepada hukum.
6. Besarlah harapan kami supaya dokumen-dokumen yang dipohon di atas dapat dibekalkan kepada kami dengan seberapa segera supaya hujahan bertulis kami seperti yang diarahkan oleh Mahkamah Yang Mulia ini dapat menyentuh secara tepat segala isu undang-undang yang berbangkit demi membantu Mahkamah Yang Mulia Ini.
7. Kerjasama dan tindakan awal dari pihak Tuan amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Lee Hishammuddin Allen & Gledhill

Abdullah Khubayb Awaluddin

Talian Terus: 603 2170 5912


E-mel: aka@lh-ag.com

s.k.

- 1) **Yang Arif Hakim Syarie Azzeman Hj. Omar** Faksimili 03 – 8880 4564 &
Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Serahan Tangan
Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan,
Bangunan Annexe, Istana Kehakiman,
Presint 3, 62506 Putrajaya.

- 2) **Tuan Haji Paimuzi Bin Yahya** Faksimili 03 – 2274 9654 &
Pengarah Jabatan Agama Wilayah Persekutuan Serahan Tangan
Kompleks Pusat Islam
Jalan Perdana, 50480 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan

- 3) **Yang Berbahagia Dato' Haji Noh bin Haji Dahya,** Faksimili 04 – 7338 333 &
Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Serahan Tangan
Bangunan Wan Mat Saman,
05676 Alor Setar, Kedah Darul Aman

- 4)  **Anakguam**

LAMPIRAN C



جابتن آكام اسلام ولايه فرسكوتوان

JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

FEDERAL TERRITORY ISLAMIC AFFAIRS DEPARTMENT

Kompleks Pusat Islam, Jalan Perdana, 50676 Kuala Lumpur.

Tel: +603-2274 9333

Fax: +603-2273 1575

Web: www.jawi.gov.my

E-mel: info@jawi.gov.my / aduan@jawi.gov.my

Hotline Penguatkuasaan: 1-800-88-1771



Ruj. Tuan : AKA/RD/ /2014
Ruj. Kami : JAWI/BPD/KL/MTS/36/A.559/012/2014

Tarikh : *hb* hb. Rejab, 1435H
hb hb. Mei, 2014M

Tetuan Lee Hishammuddin Allen & Gledhill,
Level 16, Menara Tokio Marine Life,
No. 189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur

Fax: 03-2161 3933 /
[Tanpa Prasangka]



Tuan,

Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Di Wilayah Persekutuan Putrajaya,
Kes 14400-134-0010-2014, 14400-136-011-2014 dan 14400-134-0014-2014
Antara Ketua Pendakwa Syarie JAWI Pihak Pendakwa
Lawan Kassim @ Osman Bin ahmad Pihak Tertuduh

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa surat tuan bertarikh 21 May 2014 adalah dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, pihak kami merasa dukacita dengan kenyataan pihak tuan dalam surat tuan di perenggan 2 yang menyatakan bahawa tangguhan pada tarikh bicara 6 Mei 2014 dengan permohonan pihak kami. Ini adalah kerana apa yang berlaku semasa prosiding pada tarikh tersebut, tangguhan prosiding telah dibuat oleh Yang Arif adalah disebabkan isu bidangkuasa dan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi Sivil yang ditimbulkan atau dibangkitkan oleh pihak tuan sendiri ketika Pembantu Pendaftar Mahkamah sedang membacakan pertuduhan kedua terhadap Tertuduh.

3. Pihak kami juga merasa dukacita dengan kenyataan surat tuan di perenggan 4 kerana didapati cuba menyalahgunakan proses Mahkamah. Ini adalah kerana semasa prosiding pada 6 Mei 2014 tersebut Yang Arif hanya ada memerintahkan sepertimana kenyataan pihak tuan dalam perenggan 3 sahaja beserta jaminan terhadap Tetuduh dilanjutkan.

..../2

4. Pihak kami mendapati bahawa pihak Mahkamah tiada membuat atau mengeluarkan apa-apa perintah dengan merujuk surat tuan bertarikh 29 April 2014 tersebut. Pihak kami memang tidak berhasrat melayan surat tuan tersebut kerana kami dapati pihak tuan hanya mewakili Tertuduh mulai 6 Mei 2014 (Sila rujuk tarikh wakalah yang dilafazkan) .

5. Dukacita dimaklumkan bahawa pihak kami tidak dapat membekalkan apa-apa dokumen yang dikehendaki pihak tuan sepertimana dinyatakan dalam perenggan 5 surat tuan kerana tiada apa-apa perintah yang pernah dikeluarkan terhadap pihak kami dan tiada peruntukan undang-undang yang jelas di bawah Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560) yang menyatakan bahawa perkara tersebut perlu disempurnakan oleh pihak kami dan telah dirujuk oleh pihak Tuan.


6. Pihak kami bersetuju dengan kenyataan pihak tuan di perenggan 6 (bukannya perenggan 5) bahawa pihak kami memang mempunyai aspirasi mahu menegakkan keadilan dalam memartabatkan undang-undang syariah termasuklah ke atas mereka yang cuba menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama dan menghina atau menyebabkan dipandang hina, dan lain-lain terhadap agama Islam. Oleh itu ,pihak kami hanya dapat mempertimbangkan untuk mengemukakan dokumen sepertimana diperenggan 5 (l) sahaja. Manakala dokumen-dokumen lain pihak kami tidak dapat membekalkannya kecuali melalui perintah Mahkamah. Justeru itu pihak tuan atau wakil tuan dengan surat rasmi dari firma tuan diminta hadir sendiri untuk mendapatkan dokumen yang dinyatakan dengan kadar segera.

7. Pihak kami juga ingin mengingatkan dan berharap pihak tuan agar dapat menyerahkan hujahan pihak tuan dengan kadar segera sepertimana yang telah diperintahkan oleh Mahkamah.

Kerjasama dan tindakan selanjutnya oleh pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,


(ZAINOR RASHID BIN HASSIN)
Pendakwa Syarie Kanan
b.p Ketua Pendakwa Syarie
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

s.k. : Yang Arif Hakim Syarie Azzeman Hj. Omar
Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan
Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan,
Bangunan Annexe, Istana Kehakiman,
Presint 3, 62506 Putrajaya

: Tuan Haji Paimuzi Bin Yahya
Pengarah,
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan,
Kompleks Pusat Islam
Jalan Perdana,
50480 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan

: Yang Berbahagia Dato' Haji Noh Bin Haji Dahya
Pengarah,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah,
Bangunan Wan Mat Saman
05676 Alor Setar,
Kedah

LAMPIRAN D

Lee Hishammuddin Allen & Gledhill

Advocates and Solicitors

Level 16, Menara Tokio Marine Life,
No. 189, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia.

P.O. Box 11215, 50738 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +603 2161 2330
Fax: +603 2161 3933 / 1661
www.lh-ag.com

Please quote our reference when replying

Our reference: AKA/RD/47112/14

Your reference:

27 May 2014

Consultant Dato' KC Vohrah	Ng Leong Huat Nilin V. Nadkarni Ong Eu Jin Ooi Bee Hong Rosli Dahlan S. Saravana Kumar Sean Yeow Huang-Meng SM Shanmugam Tan Gek Inn Tay Wong Hwee	Senior Associates Abdullah Khubayb Bin Awaluddin Chai Meng Ling Conrad Francis Lopez Darshendav Singh Jajeet Singh Eunice Chan Wei Lynn Genelle Chung Sim Yee Hoi Jack Sing Katherine Tan Huei Ying Mohd Khairi Ezane Azman Siti Fatimah Mohd Shahrom	Elise Ng Yee Suang Fara Nadia Hashim Ho Ai Ting Janet Olivia Tang Muo Lung Jasmine Yap Chin Wen Jeremy Lim Wei Cheng Joanna D' Silva Josephine Chin Fong Leng Josiah Lim Yun - Xi Kellie Allison Yap Siu Yin Kho Chin Chau Kok Lihong Lam Jia Chuen Lee Kah Chung Lee Wei Ting Lim Tsu Ming Lim Zhi Jian Loganathi A/L. Gunasagaram Lyssa Loh Lee Keen Meerasree A/P Ganesan Muhammad Daniel Bin Hafiz Steven Law Muhammad Faizal Faiz Bin Mohd Hasani Nadiyah Binti Abd Majid Ng Kar Kay Ng Nen Sin Norsyazreen Binti Mohamed Salleh Rashini A/P Balakrishnan	Samson Mah Chang Jun Saran Mutang Tagai Seet Wan Zheng Sharifullah Bin Abdul Majeed Tan Hooi Ping Tan Jia Xin Tan Lih Choon Tan Sze Pel Tariq Azfar Bin Makatab Teong Soo Zanne Tharishni A/P V Anumugam Timothy Nalik Shiang Jon Vinu A/L. Kanatananthan Wan Khairul Anwar Manan Wong Shir-Leen Yong Shih Han Yong Yishan Christina Yong Yit Jee Zaharah Binti Othman
Senior Partners Dato' Thomas M. L. Lee Dato' D. P. Naban				
Partners Aaron Gerard Sankar Adlin Abdul Majid Andrew Chiew Ean Vooi Angelina Cheong May May Ang Hean Leng Aniza Osman Aznam Dato' Mansor Bahari Yeow Tien Hong Chia Loong Thye Dato' T. Thavalingam G. Vijay Kumar Himahlini Ramalingam Koh Kek Hoe Kumar Kanagasingam Lambert Rasa-Ratnam Lim Heng Seng Loh Chu Bian Megat Hizalni Hassan Mong Chung Seng		Associates Aaina Liyana Binti Abd Manaf Ainaa Shahirah Mohd Noni Anisa Izwin Bi Mohd Affandi Aric Wong Fong Chin Ashley Lee Si Han Bella Chu Chai Yee Carman Ten Chia Wen Chai Shwu Yi Chan Tay Lal Chia Oh Sheng Christine Chan Ee Yin Cindy Sim Xin Yee Crystal Wong Wai Chin Eileen Tan Yuh Wen		

(All names in alphabetical order)

Setiausaha kepada Yang Arif Hakim Syarie
Tuan Azzeman Hj. Omar

Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya
Palace Of Justice-Annexe Building
Presint 3
62506, Putrajaya
PUTRAJAYA

Tuan/Puan,

Per: Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Di Wilayah Persekutuan Putrajaya
Kes 14400-134-0010-2014, 14400-136-0011-2014 dan 14400-134-0014-2014
Pendakwa Syarie ... Pendakwa
Lawan
Kassim @ Osman Bin Ahmad ... Tertuduh

Adalah dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas di mana kami mewakili Kassim @ Osman Bin Ahmad ("OKT").

Pada 6.5.2014, Yang Arif Hakim telah mengarahkan Ketua Pendakwa Syarie untuk membekalkan kami dengan dokumen dan suratcara yang dipohon melalui surat kami yang bertarikh 29.4.2014. Yang Arif Hakim juga telah mengarahkan kedua pihak bertukar hujahan bertulis.


Kami merakamkan rasa dukacita bahawa Ketua Pendakwa Syarie telah enggan untuk membekalkan kami dengan dokumen dan suratcara yang diperlukan tersebut sehingga menyulitkan kami menyiapkan hujahan bertulis ini dalam pembelaan OKT.

Namun begitu, kami berusaha mematuhi arahan Yang Arif Hakim dan dengan ini menyerahkan sesalinan *Penghujahan Bagi Pihak OKT (Menurut Arahan YA Hakim Pada 6.5.2014)* untuk difailkan di pejabat Tuan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


Lee Hishammuddin Allen & Gledhill


Abdullah Khubayb Awaluddin

Talian Terus: 603 2170 5912

Email: aka@lh-ag.com

Lamp.

- s.k. 1) **YA Tuan Ibrahim Bin Deris** **Serahan Tangan**
 **Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan**
Bahagian Pendakwaan,
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan,
Kompleks Pusat Islam Malaysia,
Jalan Perdana,
50676, Kuala Lumpur.
*(Bersama-sama ini kami sertakan satu salinan Penghujahan Bagi Pihak OKT
(Menurut Arahan YA Hakim Pada 6.5.2014) sebagai serahan kepada pihak Tuan)*
- 2) Anakguam

LAMPIRAN E

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH DI MALAYSIA
DI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
KES JENAYAH NO. : 14400-134-0010-2014

14400-136-0011-2014

14400-134-0014-2014

ANTARA

KETUA PENDAKWA SYARIE

... PENDAKWA

DAN

KASSIM @ OSMAN BIN AHMAD
[No. K/P : 330909-02-5085]

...TERTUDUH

PENGHUJAHAN BAGI PIHAK OKT
(Menurut Arahan YA Hakim Pada 6.5.2014)

Dengan Izin Yang Arif,

1. PROSIDING INI

- 1.1 Pada 6/5/2014, kes ini telah dipanggil untuk perbicaraan berhubung 2 pertuduhan jenayah syariah terhadap KASSIM @ OSMAN BIN AHMAD ("OKT") di bawah s. 7(b) dan s. 9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah – Wilayah Persekutuan) 1997 (AKTA 559) ("Akta Jenayah Syariah WP").
- 1.2 Pada tarikh tersebut, Tuan Ketua Pendakwa Syarie, Tuan Hj. Ibrahim bin Deris ("KPS"), telah memaklumkan Mahkamah bahawa KPS memohon penangguhan untuk meminda pertuduhan-pertuduhan tersebut dan menambah satu lagi pertuduhan baru menjadikan 3 kes jenayah terhadap OKT.
- 1.3 Atas permintaan Peguambela OKT, YA Hakim telah mengarahkan supaya pertuduhan-pertuduhan terpinda dan baru tersebut diserahkan kepada Peguambela OKT dan dibacakan semula kepada OKT. Semasa pembacaan pertuduhan-pertuduhan tersebut, adalah jelas bahawa KPS berhajat mengubah bentuk kes jenayah yang telah dikemukakan terhadap OKT

menjadikan ianya kes-kes baru. Oleh itu, YA Hakim telah mengarahkan supaya OKT perlu membuat akuan semula terhadap setiap satu pertuduhan tersebut iaitu samada mengaku bersalah; enggan membuat akuan; atau tidak membuat akuan menurut s. 96 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560) ("**Akta Tatacara Jenayah WP**") yang selaras dengan peruntukan s. 173 Kanun Acara Jenayah (Akta 593) ("**KAJ**").

- 1.4 Peguambela OKT telah memaklumkan Mahkamah bahawa memandangkan prosiding berkenaan dengan pertuduhan-pertuduhan pindaan dan tambahan belum bermula dan akuan belum dibuat, maka prosiding ini perlu digantung dan ditangguhkan, antara lain, kerana OKT telah memfailkan satu permohonan Semakan Kehakiman di Mahkamah Tinggi Sivil yang, antara lain, mencabar kesahihan tindakan pegawai-pegawai Penguatkuasa Agama dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan ("JAWI") dan juga kesahihan pengemukaan pertuduhan-pertuduhan terhadap OKT di hadapan Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- 1.5 KPS telah membantah dengan menyatakan bahawa prosiding di Mahkamah Syariah tidak terikat oleh sebarang prosiding di Mahkamah Tinggi Sivil.
- 1.6 Peguambela OKT telah menyatakan bahawa memandangkan perkara preliminari ini membabitkan isu bidang kuasa, maka demi menjaga masalah rakyat awam dan kewibawaan kedua-dua Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah, perlulah dielakkan pertembungan undang-undang dan bidang kuasa ("*conflict of laws and jurisdiction*") dengan menunggu keputusan Semakan Kehakiman di Mahkamah Tinggi Sivil.
- 1.7 YA Hakim telah mengambil pendirian bahawa tanpa menjejaskan prosiding Semakan Kehakiman di Mahkamah Tinggi Sivil, Mahkamah Syariah Yang Mulia ini akan mendengar dulu isu bidang kuasa dan mengarahkan supaya penghujahan bertulis dibuat seperti berikut:

- a) OKT memfailkan hujahan bertulis pada atau sebelum 26/5/2014;
- b) KPS memfailkan hujahan bertulis pada atau sebelum 9/6/2014;
- c) OKT memfailkan hujahan jawapan pada 24/6/2014;
- d) keputusan berhubung isu bidang kuasa akan diberikan pada 17/7/2014; dan
- e) prosiding ini digantung/ditangguhkan sehingga isu bidang kuasa diputuskan.

2. **Keingkaran KPS**

- 2.1 Melalui surat bertarikh 29/4/2014 kepada KPS, peguambela OKT telah memohon diberikan sesalinan semua surat cara, dokumen-dokumen dan maklumat lain berkenaan siasatan, serbuan, tangkapan dan pendakwaan terhadap OKT. Tetapi sehingga tarikh bicara 6/5/2014, KPS masih gagal memberikan dokumen tersebut.
- 2.2 Apabila hal ini dibangkitkan kepada Mahkamah, Yang Arif Hakim telah mengarahkan KPS untuk membekalkan semua dokumen tersebut. Namun, sehingga kini KPS masih lagi tidak mematuhi arahan Yang Arif Hakim.
- 2.3 Melalui surat bertarikh 21/5/2014 kepada KPS, peguambela OKT sekali lagi meminta KPS mematuhi arahan Mahkamah supaya KPS membekalkan OKT dengan dokumen-dokumen tersebut kerana OKT memerlukan dokumen tersebut untuk menyiapkan hujahan yang lengkap. Namun, sehingga tarikh memfailkan hujahan ini, KPS masih ingkar kepada arahan Mahkamah sehingga memudaratkan dan menyulitkan OKT dalam menyiapkan hujahan yang lengkap yang dapat membantu Mahkamah Yang Mulia ini dalam membuat keputusan yang tepat, adil dan saksama.
- 2.4 Demi mematuhi arahan Mahkamah Yang Mulia ini, peguambela OKT memfailkan hujahan ini tanpa prejudis kepada hak OKT untuk memfailkan penghujahan lanjutan setelah menerima dokumen yang diperlukan tersebut.

3. RINGKASAN FAKTA

3.1 OKT dilahirkan pada 9/9/1933 di Kedah dan pada masa yang matan berusia 80 tahun. OKT memang dikenali sebagai seorang intelektual Melayu yang berkecimpung dalam bidang akademik, ilmiah pemikiran Melayu/Islam dan juga dalam perkembangan politik Melayu. Latarbelakang akademik dan kerjaya OKT boleh di ringkaskan seperti berikut:

- a) Sehingga 1960: Pendidikan atasan di Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Setar Kedah dan University Malaya dalam bidang pengajian Melayu;
- b) 1960-1962 : Pegawai Penyelidik di Dewan Bahasa dan Pustaka;
- c) 1962-1966 : Pensyarah bahasa dan kesusasteraan Melayu di London School of Oriental and African Studies, University London;
- d) 1967-1969 : Guru bahasa dan kesusasteraan Melayu di Sekolah Abdullah Munsyi, Pulau Pinang;
- e) 1968-1984 : Pengerusi Nasional Partai Sosialis Rakyat Malaysia; dan
- j) Terkenal sebagai seorang penulis, penterjemah bebas, ilmuwan Melayu.

3.2 OKT adalah seorang pemastautin di Kedah. OKT bukan pemastautin di Kuala Lumpur, Putrajaya atau mana-mana kawasan dalam Wilayah Persekutuan. Dalam hal undang-undang agama khususnya hukum syarak, setiap negeri termasuk negeri Kedah telah membuat undang-undang negeri masing-masing seperti terkandung dalam enakmen berkaitan undang-undang syariah, dan fatwa-fatwa yang dibuat di sesuatu negeri hanya mengikat pemastautin beragama Islam di negeri tersebut.

3.3 Pada 26/3/2014 jam lebih kurang 11.30 pagi, pegawai penguatkuasa JAWI yang disertai pegawai polis yang menaiki 12 hingga 13 kereta

("Penguatkuasa JAWI") telah mendatangi rumah OKT di No. 1504, Jalan Kulim Height 3, Persiaran Kulim Golf, 09000 Kulim, Kedah.

3.4 Penguatkuasa JAWI tersebut tidak memberikan sebarang penerangan tentang tindakan mereka tersebut. Sebaliknya, Penguatkuasa JAWI tersebut mengambil beberapa tindakan salah ("**Tindakan Pencerobohan**") seperti berikut:

- a) menyerbu, memeriksa, menggeledah rumah OKT dan merampas bahan cetakan milik OKT;
- b) menahan, mencemuh dan menghina termasuk mengambil gambar OKT beberapa kali secara 'close up' tanpa izin OKT;
- c) mengasari, menangkap tanpa alasan dan mengheret OKT ke Ibu Pejabat Polis Daerah Kulim di Jalanraya Kulim, 09000 Kulim, Kedah;
- d) menahan OKT (bersama isteri OKT) di IPD Kulim dari jam 2.30 petang;
- e) kemudiannya memasukkan OKT ke dalam sebuah van dari jam 5.30 petang sehingga 10.00 malam yang dipandu dalam laluan trafik jalanraya yang teramat sesak menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Penang, Bayan Lepas, Pulau Pinang;
- f) meneruskan penahanan OKT di Lapangan Terbang tersebut dari jam 10 malam sehingga 11.30 malam pada 26/3/2014 dan menaikkan OKT ke dalam sebuah kapal terbang AirAsia dan tiba di Terminal Penerbangan Tambang Rendah ("LCCT"), Sepang, Selangor pada 27/3/2014 jam 12.30 pagi;
- g) kemudiannya pada dinihari 27/3/2014, OKT dibawa dari LCCT ke pejabat JAWI di Kompleks Pusat Islam, Jalan Perdana, 50676 Kuala Lumpur dan ditahan lagi dari jam 1.30 pagi hingga 3.30 pagi di mana OKT di soalsiasat dan diperiksa lagi oleh Penguatkuasa JAWI;

- h) pada 27/3/2014 dari jam 3.30 pagi sehingga siang hari, OKT dibawa dan ditahan di Rumah Kerajaan Jalan Duta;
- i) pada 27/3/2014 jam 7.40 pagi, OKT dibawa dari tahananannya di Rumah Kerajaan Jalan Duta ke Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya di Istana Kehakiman Putrajaya, Wilayah Persekutuan;
- j) pada 27/3/2014 jam 9.00 pagi, OKT dikenakan pendakwaan kononnya kerana kesalahan-kesalahan di bawah s. 7(b) dan s. 9 Akta Jenayah Syariah WP;
- k) Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya telah melepaskan OKT dengan menetapkan syarat jaminan dan/atau mengisuisu "Bon Kehadiran" untuk tujuan perbicaraan dakwaan di Mahkamah Tinggi Syariah di Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- l) Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi Syariah Putrajaya telah mengenakan syarat bahawa penjamin hendaklah seorang warganegara Malaysia yang bermastautin di Wilayah Persekutuan. Akibatnya, tempoh tahanan OKT menjadi lebih panjang apabila isteri OKT ditolak daripada menjadi penjamin kerana isteri OKT bukan seorang pemastautin di Wilayah Persekutuan sedangkan Penguatkuasa JAWI sendiri telah mengheret isteri OKT dari Kulim, Kedah ke Putrajaya bagi menemani dan menjamin OKT;
- m) hanya pada jam 1.30 ptg pada 27/3/2014, OKT berjaya mendapatkan seorang penjamin pemastautin Wilayah Persekutuan bagi melepaskan dirinya dari tangkapan dan tahanan salah berpanjangan yang bermula dari 26/3/2014 jam 11.30 pagi sehingga 27/3/2014 jam 1.30 ptg, iaitu tempoh lebih daripada 27 jam.

- 3.5 Sepanjang masa tersebut, OKT tidak diberikan sebarang peluang dan hak untuk membuat apa-apa panggilan atau menghubungi ahli keluarganya atau kawan-kawan dan/atau mendapatkan khidmat nasihat guaman.
- 3.6 OKT diperlakukan sedemikian iaitu dilarikan dan ditahan secara paksa dari rumahnya di Kedah dan di bawa ke Wilayah Persekutuan secara hina dan dipersenda sepanjang masa dengan tujuan sengaja untuk mengaibkan dan mengakibatkan OKT untuk mengalami tekanan mental ("*mental distress*"), keseksaan jiwa ("*agony*") dan didera ("*torture*"). Hal ini menjadi jelas bila semua media melaporkan secara sensasi tentang tangkapan OKT dengan memberikan gambaran bahawa OKT adalah seorang yang anti-Islam.
- 3.7 Tindaklaku Penguatkuasa JAWI yang disebutkan di atas jelas membabitkan tindakan seberang sempadan dan bidang kuasa ("*cross border actions/jurisdiction*") 4 negeri lain iaitu Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Ini mempunyai implikasi yang amat besar yang akan diujahkan lebih lanjut di bawah ini.

4. ISU-ISU BERBANGKIT YANG MENJEJAS BIDANG KUASA

- 4.1 Ringkasan fakta di atas membangkitkan berbagai isu yang menjejaskan bidang kuasa JAWI dan Mahkamah dalam meneruskan pendakwaan ini:
- a) Tiada Laporan Polis tentang kesalahan terhadap OKT menjadikan semua tindakan Penguatkuasa JAWI taksah dan terbatal;
 - b) Proses Pemula Siasatan oleh Penguatkuasa JAWI mengingkari Akta Tatacara Jenayah WP menjadikan semua tindakan Penguatkuasa JAWI taksah dan terbatal;
 - c) Waran Tangkap Mahkamah Putrajaya hanya boleh dilaksanakan dalam kawasan Wilayah Persekutuan dan melaksanakannya di Kedah tanpa mematuhi Enakmen Kedah menjadikan tindakan Penguatkuasa JAWI taksah dan terbatal;

- d) Tangkapan oleh Penguatkuasa JAWI yang mengingkari Peruntukan Akta Tatacara Jenayah WP adalah taksah dan terbatal;
- e) Bidang Kuasa JAWI adalah terhad kepada kawasan Dalam Wilayah Persekutuan dan tindakan Pencerobohan JAWI adalah Ultra Vires, taksah dan terbatal;
- f) Tindakan Pencerobohan oleh Penguatkuasa JAWI mengingkari Peruntukan Enakmen Kedah menjadikannya taksah dan terbatal;
- g) Pelanggaran Dan Ketidakpatuhan JAWI Kepada Enakmen Kedah dan Akta Wilayah Persekutuan menjadikan Keseluruhan tindakan JAWI taksah dan terbatal;
- h) Pertuduhan Dibawah S.9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah tidak mematuhi S.73 Akta Tatacara Jenayah Wilayah Persekutuan dan adalah cacat dan terbatal;
- i) Pertuduhan oleh KPS terhadap OKT dibawah S.9 Akta Kesalahan Jenayah WP tidak boleh dikemukakan terhadap pemastautin Kedah dan adalah cacat dan terbatal;
- j) Pencabulan Hak Asasi OKT yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan;
- k) Proses membawa OKT menghadapi Pertuduhan adalah taksah dan terbatal sehingga mengakibatkan Mahkamah belum memiliki bidanguasa untuk mendengar dan/atau meneruskan sebarang prosiding perbicaraan;
- l) Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi Syariah WP telah mengenakan syarat jaminan yang tidak mematuhi Peruntukan Akta Tatacara Jenayah WP yang menjadikannya taksah dan terbatal;
- m) Niat Jahat (Mala Fide) Penguatkuasa JAWI menjadikan Pendakwaan taksah dan terbatal;

- n) Pentafsiran Pertembungan Undang-Undang dan bidangkuasa tidak terletak dengan Mahkamah Syariah

5. **Tiada Laporan Polis Tentang Kesalahan Terhadap OKT Menjadikan Semua Tindakan Penguatkuasa JAWI Taksah dan Terbatal**

5.1 Di Malaysia, permulaan sesuatu siasatan adalah dengan suatu aduan dibuat melaporkan kesalahan tersebut. Pihak yang mempunyai bidang kuasa menerima sesuatu aduan ialah pihak Polis DiRaja Malaysia menurut s. 107(1) KAJ melalui satu laporan polis yang dibuat oleh seorang pengadu terhadap seorang yang disyaki melakukan kesalahan.

5.2 Dalam kes ini, tiada laporan polis telah dibuat terhadap OKT oleh sesiapa pun sebelum siasatan dimulakan. Ini mengakibatkan proses pemula siasatan satu proses yang taksah, terbatal dan menjejaskan segala proses selanjutnya. Pentingnya suatu aduan laporan pertama ("*First Information Report*") dalam proses pemula siasatan di terangkan dalam kes **Tan Cheng Kooi & Anor v. PP 1 LNS 146:**

"Now the importance of a first information report has been stressed in a number of decisions.... Per Carnduff J in 17 CWN 1213:

*The first information **is a document of great importance** and in practice it is always and very rightly produced and proved in criminal trials...*

as cited in Sohoni's Code of Criminal Procedure (14th Edn.) at p. 275."

5.3 Petunjuk selanjutnya diberikan oleh Mahkamah dalam kes **Chin Khing Siong v. R [1952] MLJ 52 :**

*"It was pointed out on behalf of the appellant, however, that the complainant having given evidence that he went to the Police Station the next morning and made a report, the report was not produced in evidence. **In my opinion the failure to produce the report in this case was fatal to the prosecution case.** If the report had told a story similar to that told by the complainant in the witnessbox it would have been admissible in*

evidence under s. 157 of the Evidence Ordinance. If the report did not support the complainant's story in the witnessbox then he could have been cross-examined upon it under s. 145 of the Evidence Ordinance. As, however, the report was not produced at all it appears to me that s. 114 illustration (g) applies, and I must, therefore, presume that the report would have been unfavourable to the prosecution case. If this were so, the complainant's evidence would have been discredited, and the whole case for the prosecution would have fallen to the ground.

The Deputy Public Prosecutor conceded that the omission to produce the report was an irregularity and sought to rely upon s. 448 of the Criminal Procedure Code. As, however, he also admitted that, as the case stood, the presumption was that the report would not have corroborated the complainant's evidence I do not think s. 448 can assist him. Where, as in this case, the omission cuts at the root of the prosecution evidence, a failure of justice is occasioned, because the appellant has thereby "lost the chance, which was fairly open to him, of being acquitted" (see remarks of Channell J in Rex v. Cohen 2 Cr App R 207)."

- 5.4 Oleh itu, Penguatkuasa JAWI telah mengambil tindakan siasatan yang tak sah dan melanggar undang-undang. Akibatnya ialah satu ketidakadilan telah dilakukan terhadap OKT di mana OKT dirampuk hak kebebasan dirinya.
- 5.5 Hal ini semakin jelas bila rujukan dibuat kepada Akta Tatacara Jenayah WP yang menyatakan keperluan yang sama tentang aduan laporan pertama ("*First Information Report*") di dalam **S. 2(1)** seperti berikut :

"aduan" ertinya pengataan yang dibuat secara lisan atau bertulis kepada Hakim bahawa seseorang sama ada diketahui atau tak diketahui telah melakukan atau bersalah atas suatu kesalahan, dengan tujuan supaya tindakan diambil oleh Hakim itu di bawah Akta ini;"

5.6 Peruntukan s. 2(1) Akta Tatacara Jenayah WP dengan jelas menyatakan bahawa seseorang Hakim hanya boleh mengambil tindakan apabila suatu Aduan dibuat kepadanya. Dalam kes ini, KPS telah gagal, abai dan/atau enggan memberikan kepada Peguambela OKT laporan polis dan juga sebarang aduan, jika ada, yang kononnya mengatakan tentang kesalahan OKT. Dengan ketiadaan laporan polis dan/atau aduan tersebut, bermakna satu inferens bertentangan ("*adverse inference*") boleh dikenakan terhadap KPS dan kes pendakwaan dibawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950.

6. **Proses Pemula Siasatan Oleh Penguatkuasa JAWI Mengingkari Akta Tatacara Jenayah WP Menjadikan Semua Tindakan Penguatkuasa JAWI Taksah dan Terbatat**

6.1 S. 7(b) & (c) Akta Tatacara Jenayah WP memperuntukkan bahawa:

"7. Tertakluk kepada Akta ini, tiap-tiap Hakim hendaklah mengambil perhatian dan mempunyai kuasa untuk –

(b)menyiasat aduan tentang kesalahan dan memanggil dan memeriksa saksi mengenai kesalahan itu dan menyaman dan menangkap dan mengeluarkan waran bagi penangkapan penjenayah dan pesalah dan memperlakukan mereka mengikut undang-undang;

(c)mengeluarkan waran untuk menggeledah atau menyebabkan digeledah tempat yang ada di dalamnya apa-apa barang atau benda yang engannya atau yang mengenainya apa-apa kesalahan telah dilakukan dikatakan ada disimpan atau disembunyikan;"

6.2 Peruntukan tersebut bermaksud bahawa seseorang Hakim hanya boleh mula mengarahkan siasatan atau memulakan siasatan tentang sesuatu kesalahan apabila aduan telah dikemukakan kepadanya. Jika tiada aduan sedemikian, maka Hakim belum lagi boleh menjalankan kuasa mengarahkan siasatan tersebut.

6.3 Sebaik menerima sesuatu aduan, peruntukan Bab 2 Akta Tatacara Jenayah WP perlulah dipatuhi, dimana s. 74 Akta Tatacara Jenayah WP menjelaskan bahawa:

- a) kesalahan perlu diadukan;
- b) Hakim perlu memeriksa pengadu;
- c) isi pemeriksaan hendaklah ditulis dan ditandatangani oleh pengadu dan juga Hakim.

6.4 Selanjutnya, Hakim juga tidak boleh mengeluarkan waran geledah atau waran tangkap kerana proses pemula siasatan belum lagi terbit. Jika Penguatkuasa JAWI telah mengakibatkan Hakim untuk mengeluarkan waran geledah dan waran tangkap terhadap OKT tanpa mematuhi peruntukan s. 74 Akta Tatacara Jenayah WP tersebut di atas, ini adalah sesuatu yang serius kerana membawa maksud yang Penguatkuasa JAWI telah memperdayai Mahkamah sehingga mengakibatkan Mahkamah membuat arahan dan perintah yang menyalahi peruntukan undang-undang. Hal sedemikian amatlah mencemar nama baik Mahkamah Yang Mulia ini.

6.5 Hal di atas menunjukkan bahawa proses pemula siasatan oleh Penguatkuasa JAWI telah mengingkari Akta Tatacara Jenayah WP sehingga tindakan lanjut termasuk serbuan, penggeledahan, tangkapan, tahanan dan pemeriksaan OKT menjadi taksah dan terbatal.

7. **Waran Tangkap Mahkamah Putrajaya hanya boleh dilaksanakan dalam Kawasan Wilayah Persekutuan Dan Melaksanakannya Di Kedah Tanpa Mematuhi Enakmen Kedah Menjadikan Tindakan Penguatkuasa JAWI Taksah dan Terbatal**

7.1 Sehingga kini, peguambela OKT masih belum dibekalkan dengan salinan waran tangkap yang diperolehi oleh Penguatkuasa JAWI terhadap OKT, jika ada. Jika pun terdapat waran tangkap tersebut, ianya hanya boleh

dilaksanakan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan dan bukan di luar kawasan Wilayah Persekutuan.

7.2 S. 34(1) Akta Tatacara Jenayah WP memperuntukkan:

*“34.(1) Semua waran tangkap hendaklah pada lazimnya diarahkan kepada Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan semua Pegawai Penguatkuasa Agama yang lain, dan mana-mana pegawai itu boleh melaksanakan waran itu **di mana-mana bahagian di Wilayah-Wilayah Persekutuan.**”*

7.3 Kuasa untuk melaksanakan sesuatu waran tangkap hanya boleh dilakukan dalam kawasan Wilayah Persekutuan semakin jelas bila rujukan dibuat kepada **s. 39(1) Akta Tatacara Jenayah WP** yang memperuntukkan:

*“39.(1) **Segala saman kehadiran dan waran tangkap yang dikeluarkan oleh Mahkamah** boleh disampaikan atau dilaksanakan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di mana-mana bahagian di Malaysia; tetapi saman itu **tidak boleh disampaikan di luar had bidang kuasa tempatan Mahkamah** yang mengeluarkannya melainkan jika saman itu diendorskan oleh Mahkamah itu dengan perkataan **“Bagi penyampaian di luar bidang kuasa”**.*

7.4 Bidang kuasa Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan diperuntukkan dengan jelas di bawah akta-akta berikut:

7.4.1 S.1(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (“Akta Pentadbiran WP”):

*“1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan **Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dan terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan**”*

7.4.2 S. 1(2) Akta Kesalahan Jenayah WP :

“1. (2) Akta ini hendaklah terpakai hanya bagi –

(a) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sahaja; dan

(b) orang Islam sahaja.”

7.4.3 S.1(2) Akta Tatacara Jenayah WP:

“1.(2) Akta ini hendaklah terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.”

7.4.4 S.1(1) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997:

“1. (1) Akta ini boleh dinamakan Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 hendaklah terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.”

7.5 Makna “bidang kuasa tempatan” yang dinyatakan dalam s. 39 (1) Akta Tatacara Jenayah Syariah ialah bidang kuasa Mahkamah Syariah yang terhad kepada wilayah dan jajahan sesuatu negeri dan tidak boleh melangkaui wilayah atau kawasan negeri tersebut seperti diperuntukkan oleh Jadual Sembilan, Senarai II – Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan yang memberikan kuasa perundangan kepada Badan Perundangan Negeri untuk mentadbirkan undang-undang Islam dan semua hal-ehwal Islam di negeri masing-masing.

7.6 Hal ini adalah jelas kerana undang-undang berkenaan agama Islam adalah undang-undang negeri dan setiap negeri mempunyai Akta atau Enakmen nya yang tersendiri. Diperturunkan di sini beberapa contoh Akta-akta dan

Enakmen-enakmen yang terpakai di beberapa negeri seperti berikut:

7.6.1 Wilayah Persekutuan:

- a) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993;
- b) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997;
- c) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997;
- d) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

(kesemuanya dirujuk sebagai "Akta Wilayah Persekutuan").

7.6.2 Selangor:

- a) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003;
- b) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995;
- c) Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003;
- d) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

7.6.3 Kedah:

- a) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (yang menggantikan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah 1962 [Enakmen No. 9/1962]);
- b) Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008;

- c) Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988;
- d) Enakmen Acara Jenayah Syariah 1988;
- e) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 1990;

(kesemuanya dirujuk sebagai "Enakmen Kedah").

7.6.4 Pulau Pinang:

- a) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004;
- b) Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004;
- c) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.

7.6.5 Negeri-negeri lain di seluruh Persekutuan Malaysia juga mempunyai undang-undang negeri yang serupa.

7.7 Memandangkan Mahkamah Syariah adalah ditubuhkan di bawah setiap satu undang-undang negeri masing-masing, maka Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan tidak boleh menjejaskan bidang kuasa tempatan Mahkamah Syariah Kedah dan sebaliknya. Oleh itu, waran tangkap atau saman oleh Mahkamah Wilayah Persekutuan hanya boleh berkuatkuasa dan sah laku di kawasan Wilayah Persekutuan sahaja dan tak boleh melangkaui bidang kuasanya sampai ke negeri Kedah atau negeri-negeri lain. Jika dilakukan juga ia serupalah mencabuli kedaulatan negeri lain.

7.8 Analogi ini lebih mudah difahami dengan menggunakan contoh Singapura. Polis atau mana-mana agensi penguatkuasa Malaysia tidaklah boleh menangkap sesiapa pesalah di Singapura tanpa izin pemerintah/polis atau penguatkuasa di sana. Seperti juga Mahkamah Malaysia tidaklah boleh mengeluarkan sebarang perintah untuk dilaksanakan di Singapura kecuali dengan endorsan/izin dari mahkamah tempatan Singapura.

7.9 Dalam kes ini, bukan sahaja Penguatkuasa JAWI telah mengelirukan Mahkamah Putrajaya untuk mengeluarkan waran tangkap untuk satu tangkapan di negeri Kedah, malah Penguatkuasa JAWI juga telah melakukan tangkapan yang mengingkari peruntukan Akta Tatacara Jenayah WP.

8. Tangkapan Oleh Penguatkuasa JAWI yang Mengingkari Peruntukan Akta Tatacara Jenayah WP Adalah Taksah dan Terbatal

8.1 s. 37 Akta Tatacara Jenayah WP memperuntukkan:

“37.(1) Apabila waran tangkap dilaksanakan di luar had bidang kuasa tempatan Mahkamah yang mengeluarkannya, maka orang yang ditangkap itu hendaklah, melainkan jika jaminan telah diambil di bawah seksyen 33, dibawa ke hadapan Hakim Mahkamah Rendah Syariah yang terdekat.

(2) Hakim itu hendaklah, jika ternyata orang yang ditangkap itu ialah orang yang dimaksudkan oleh Mahkamah yang mengeluarkan waran itu, mengarahkan pemindahan orang itu dalam jagaan ke Mahkamah yang dinamakan dalam waran itu.”

8.2 Peruntukan tersebut dengan jelas memerlukan Penguatkuasa JAWI membawa OKT ke Mahkamah Rendah Syariah terdekat iaitu Mahkamah Syariah Kulim. Fakta menunjukkan bahawa Penguatkuasa JAWI tidak berbuat demikian. Sebaliknya, Penguatkuasa JAWI yang menaiki 13 buah kereta dengan cara yang sangat dramatik dan mencemaskan telah mengheret OKT ke IPD Kulim dan menahannya. Selanjutnya, Penguatkuasa JAWI secara paksa melarikan OKT dalam sebuah van ke Lapangan Terbang Pulau Pinang.

8.3 Episod tangkapan sedemikian lazimnya hanya dilihat dalam filem-filem Hollywood yang memaparkan tangkapan ke atas pengganas atau penjenayah berat. OKT ialah seorang tua berusia 80 tahun. OKT ialah seorang ilmuwan. Kesalahan yang kononnya dilakukan OKT, tapi dinafikan, ialah kesalahan memberikan pandangan akademik di satu seminar iaitu di suatu majlis ilmu.

Kita harus bertanya apakah perlunya Penguatkuasa JAWI berbuat demikian kalau bukan untuk memalukan dan mencemaskan OKT. Akhirnya, tindakan Penguatkuasa JAWI menjadikan perkara ini satu kontroversi yang mencemarkan nama baik agama Islam sehingga mengundang komen yang kurang enak. Malah, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir sampai mengeluarkan teguran tentang tindak tanduk JAWI.

- 8.4 Isu pokok di sini ialah tindakan Penguatkuasa JAWI itu secara jelas melanggar peruntukan s.37(1) Akta Tatacara Jenayah WP. Walaupun s.37(2) membolehkan Mahkamah Syariah Kulim mengarahkan pemindahan OKT ke mahkamah yang dinamakan dalam waran, hal ini tidak digalakkan di bawah s. 37(3) yang menyebut:

“(3) Walau apa pun subseksyen (2), jika kesalahan itu boleh dijamin dan orang yang ditangkap itu sedia dan sanggup memberikan jaminan yang memuaskan hati Mahkamah yang ke hadapannya dia dibawa, atau suatu arahan telah diendorskan di bawah seksyen 33 di atas waran itu dan orang itu sedia dan sanggup memberikan jaminan yang dikehendaki oleh arahan itu, maka Hakim itu hendaklah mengambil bon atau jaminan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan mengemukakan bon itu kepada Mahkamah yang dinamakan dalam waran itu.”

- 8.5 Jelas lah kesalahan ini boleh dijamin dan OKT boleh dilepaskan dengan bon atau jaminan. Tetapi, Penguatkuasa JAWI tidak berbuat demikian. Sebaliknya, Penguatkuasa JAWI mengambil tindakan terkeras untuk berterusan menahan OKT. Apakah motif Penguatkuasa JAWI bertindak kasar dan keras? Tidak lain dan tidak bukan Penguatkuasa JAWI didorong oleh kegilaan mencari publisiti kerana pada petang tersebut, semua media telah melaporkan tentang tangkapan terhadap OKT. Inikah ihsan dan keadilan sistem Islam?
- 8.6 Yang jelasnya, tindakan tangkapan Penguatkuasa JAWI dengan cara tersebut dan memindahkan OKT melalui van dalam perjalanan 5 jam ke Pulau Pinang adalah satu tindakan yang taksah dan merupakan salah laku oleh

Penguatkuasa JAWI. Ini menjadi lebih buruk apabila kita kaji peruntukan Enakmen Kedah dan mendapati bahawa Penguatkuasa JAWI telah mencabuli kedaulatan negeri Kedah dan juga bidang kuasa Mahkamah Syariah Kedah. Ini akan dijelaskan lebih lanjut apabila menyentuh peruntukan Enakmen Kedah.

9. **Bidang Kuasa JAWI Adalah Terhadap Kepada Kawasan Dalam Wilayah Persekutuan dan Tindakan Pencerobohan JAWI Adalah Ultra Vires, Taksah dan Terbatat**

9.1 Penguatkuasa JAWI adalah dilantik di bawah s. 58 (4) Akta Pentadbiran:

“(4)Majlis boleh melantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan seorang Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Agama untuk menjalankan penyiasatan kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam.”

9.2 Bidang kuasa dan sebarang kuasa Penguatkuasa JAWI adalah terhadap kepada bidang kuasa tempatan Akta tersebut yang diperuntukkan di bawah s. 1(1) Akta Pentadbiran :

“1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

(1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dan terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.”

9.3 Oleh yang demikian, Tindakan Pencerobohan Penguatkuasa JAWI yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan 3.4, 7 dan 8 di atas adalah melangkaui bidang kuasa yang diperuntukkan dan sekaligus menjadikan Tindakan Pencerobohan tersebut *ultra vires* kesemua akta-akta Wilayah Persekutuan yang dinyatakan di atas.

10. Tindakan Pencerobohan oleh Penguatkuasa JAWI Mengingkari Peruntukan Enakmen Kedah Menjadikannya Taksah dan Terbatat

10.1 Hujahan di atas menunjukkan bahawa Penguatkuasa JAWI bukan sahaja perlu mematuhi Akta Tatacara Jenayah WP, malah juga perlu menghormati dan mematuhi Enakmen Kedah. Kegagalan memenuhi keperluan Enakmen Kedah menjadikan keseluruhan tindakan Penguatkuasa JAWI termasuk tangkapan, tahanan dan pemindahan OKT dari Kedah ke Wilayah Persekutuan merupakan satu pengingkaran dan pencerobohan ke atas bidang kuasa Mahkamah Syariah Negeri Kedah. Pelanggaran Enakmen Kedah ini mencabuli kedaulatan undang-undang negeri Kedah dan juga kedudukan DYMM Sultan Kedah sebagai Ketua Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman menurut s. 3 Enakmen Pentadbiran Kedah.

10.2 Di negeri Kedah, Enakmen yang terpakai dan memperuntukkan untuk pentadbiran agama Islam Negeri Kedah adalah **Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Kedah Darul Aman) 2008** (“**Enakmen Pentadbiran Agama Islam Kedah**”), manakala penubuhan mahkamah-mahkamah syariah di negeri Kedah adalah diperuntukkan di bawah **Enakmen Mahkamah-Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008** (“**Enakmen Mahkamah Syariah Kedah**”). Bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah, contohnya, telah diperuntukkan dalam **Seksyen 13 (1) Enakmen Mahkamah Syariah Kedah** iaitu di seluruh Negeri Kedah.

10.3 Enakmen Kedah telah membuat peruntukan undang-undang untuk membantu pelaksanaan waran tangkap dan/atau saman dari bidang kuasa Mahkamah Syariah dari negeri lain. **S. 27 (1) Enakmen Mahkamah Syariah Kedah** memperuntukkan:

*(1) “Seksyen 27. Tindakan bersaling Jika Mahkamah Syariah dalam mana-mana negeri di Malaysia mengeluarkan **waran** atau saman, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah peruntukan mana-mana*

undang-undang yang berkuat kuasa dalam negeri itu, untuk dilaksanakan ke atas atau disampaikan kepada seseorang yang berada atau dipercayai berada di dalam Negeri Kedah Darul Aman, maka mana-mana Hakim Syarie boleh mengesahkan waran atau saman itu dengan menandatangani dan waran atau saman itu boleh dilaksanakan atau disampaikan kepada orang itu seolah-olah waran atau saman itu dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dalam Negeri Kedah Darul Aman menurut peruntukan Enakmen ini.”

- 10.4 Oleh itu, jika Penguatkuasa JAWI mempunyai waran yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, waran tersebut perlu disahkan oleh Mahkamah Syariah Kedah sebelum boleh dilaksanakan di Kedah. Proses pengesahan waran dari Wilayah Persekutuan memerlukan Hakim Syarie Kedah untuk membuat pertimbangannya sendiri menurut **s. 27 (3) Enakmen Mahkamah Syariah Kedah:**

“(3) Jika Mahkamah Syariah dalam mana-mana negeri di Malaysia membuat satu perintah atau penghakiman di bawah peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa dalam negeri itu terhadap seseorang dan orang itu berada atau dipercayai berada dalam Negeri Kedah Darul Aman, maka Hakim Syarie, jika dia berpuas hati bahawa perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan dengan sempurna oleh suatu Mahkamah Syariah yang berwibawa dalam mana-mana Negeri di Malaysia, boleh mengindorskan perintah atau penghakiman itu dan perintah atau penghakiman itu bolehlah kemudiannya dilaksanakan atau disampaikan, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan dengan sah oleh mana-mana Mahkamah Syariah dalam Negeri Kedah Darul aman menurut peruntukan Enakmen ini.”

- 10.5 Selanjutnya, **s. 37 (2) Tatacara Jenayah WP** memberikan Hakim Syarie Kedah budi bicara untuk memindahkan orang yang dinamakan dalam waran dari negeri lain:

“37.(2)Hakim itu hendaklah, jika ternyata orang yang ditangkap itu ialah orang yang dimaksudkan oleh Mahkamah yang mengeluarkan waran itu, mengarahkan pemindahan orang itu dalam jagaan ke Mahkamah yang dinamakan dalam waran itu.”

- 10.6 Perlu diperhatikan bahawa **s. 27(2) Enakmen Mahkamah Syariah Kedah** memerlukan Penguatkuasa Kedah untuk mematuhi undang-undang Syariah negeri lain dalam melaksanakan apa jua waran/perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Negeri Kedah. Ini menjadi petunjuk bahawa waran dari mahkamah negeri lain untuk pelaksanaan di negeri Kedah perlulah mematuhi Enakmen Kedah:

*“27 (2)Jika Mahkamah Syariah dalam Negeri Kedah Darul Aman mengeluarkan waran yang memberi kuasa untuk menangkap mana-mana orang, atau saman yang memanggil mana-mana orang supaya hadir di Mahkamah Syariah, dan orang itu berada atau dipercayai berada dalam mana-mana negeri lain di Malaysia dan waran atau saman itu telah **dilaksanakan** atau disampaikan kepada orang itu **menurut mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dalam negeri itu**, maka waran atau saman itu hendaklah bagi maksud Enakmen ini disifatkan telah dilaksanakan atau disampaikan **dengan sah seolah-olah pelaksanaan atau penyampaian itu telah dilaksanakan atau disempurnakan dalam Negeri Kedah Darul Aman.**”*

- 10.7 Perbezaan dalam peruntukan Enakmen Kedah dengan peruntukan Wilayah Persekutuan seperti yang ditunjukkan di atas memerlukan Penguatkuasa JAWI mematuhi Enakmen Tatacara Jenayah Kedah terutama sekali **s. 27(2) Enakmen Mahkamah Syariah Kedah** yang selaras dengan peruntukan prinsip-prinsip tindakan bersaling dan undang-undang yang adil, semulajadi dan sah. Pegawai Penguatkuasa JAWI tidak boleh dengan sewenang-wenangnya melanggar dan mencerobohi tatacara-tatacara yang telah termaktub dalam Enakmen Kedah.

- 10.8 Panduan tindakan bersaling boleh diperolehi dari kes ekstradisi seseorang tertuduh di bawah satu kesalahan antara dua negeri. Dalam kes **Chua Han Mow v Superintendent of Pudu Prison (1980) 1 MLJ 219**, Ketua Hakim Malaya Raja Azlan Shah CJ (Malaya) memberikan panduan seperti berikut:

“an extradition proceeding is in the nature of a committal proceeding and a committal proceeding is not a trial. As the sole function of the committing Magistrate is to adjudicate upon the question of whether there is a prima facie case against the accused, that is to say, whether there is such evidence that, if uncontradicted at the trial, a reasonable jury properly directed could convict upon it. Where there is a doubt as to the weight or quality of the evidence the committing magistrate should refrain from assessing it but instead commit the accused and leave the duty of resolving the doubt to the trial court.”

*No doubt the words “prima facie” was used, but reading the above paragraph as a whole, it means that the scope of exercising the discretion of admitting or rejecting the evidence by the committing Magistrate is limited. This is understandable as **“extradition proceeding is founded on concepts of comity and reciprocity”**. It would undermean the effectiveness of the international treaty obligations if the courts were to superimpose directors based on local notions of fairness upon the ordinary rules of admissibility.” (Per Supreme Court of Canada in *Kindler v Canada (Ministry of Justice)* (1991) 84 D.L.R (3th) 433 488)*

But it does not mean that there is no rule or procedure that needs to be followed in extradition. Section 20 of the Extradition Act has been drafted in a comprehensive way which enables both the prosecution as well as the defence to be heard fairly. **It lays down the need for the prosecution to provide the supporting documents in relation to the request for extradition. Further it also stipulates the necessity for the Sessions Court judge to be satisfied that the alleged act or omission of the fugitive criminal would if it had**

taken place in Malaysia constitute an offence under the laws of Malaysia.

10.9 Berdasarkan kes di atas, terdapat dua prinsip yang boleh diambil teladan dan diikuti oleh Mahkamah-Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa yang berbeza:-

- a) Pertamanya, dalam proses mengekstradisi, haruslah terdapat "*comity dan reciprocity*", iaitu suatu penghormatan terhadap kedaulatan undang-undang negeri masing-masing, dan penghormatan itu dibalas oleh suatu negeri itu dengan menghormati juga kedaulatan undang-undang negeri yang satu lagi.
- b) Keduanya, penggunaan budi bicara Hakim Syarie dalam mengesahkan kesahihan waran tangkap haruslah selari dengan fungsi Mahkamah Sesyen Sivil dalam proses ekstradisi iaitu memastikan bahawa dakwaan yang dituduh itu juga merupakan suatu kesalahan di bawah undang-undang negeri itu sendiri.

10.10 Pematuhan Hakim Syarie kepada prinsip-prinsip yang tersebut di atas akan meninggikan lagi martabat dan kewibawaan Hakim Syarie dan Mahkamah Syariah sebagai suatu institusi kehakiman yang adil dan saksama.

10.11 Berdasarkan prinsip tersebut di atas, OKT tidak boleh dipindahkan dari Kedah ke Wilayah Persekutuan kerana Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 1988 ("**Enakmen Kanun Jenayah Kedah**") tidak mempunyai peruntukan kesalahan yang sama seperti peruntukan s. 7 dan s. 9 Akta Kesalahan Jenayah WP.

10.12 Selanjutnya, perlakuan yang mungkin menjadi kesalahan di bawah s. 7 dan s. 9 Akta Kesalahan Jenayah WP yang boleh ditangkap tanpa waran di Wilayah Persekutuan, tidak menjadi satu kesalahan yang boleh ditangkap tanpa waran di Kedah. S.19 Enakmen Acara Jenayah Syariah Kedah memperuntukkan bahawa tangkapan tanpa waran hanya boleh dilakukan dengan cara yang sangat terhad seperti berikut:

19 (1) Dengan tidak menyentuh peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, mana-mana **Pegawai Penguatkuasa, Pegawai Majlis, Pegawai Polis, Pegawai Masjid, Penghulu atau Guru Agama** yang bertauliah **bolehlah** tanpa perintah daripada seorang Kadi dan **tanpa satu waran, menangkap :**

(a) **mana-mana orang yang telah melakukan atau mencuba untuk melakukan di hadapannya mana-mana kesalahan di bawah Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1962, Enakmen Keluarga Islam 1979 dan Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988 dan yang mana telah enggan atas permintaan pegawai itu memberi nama atau tempat tinggal yang mana pegawai itu ada sebab bagi mempercayai yang ianya palsu, atau atas permintaan pegawai itu memberi nama dan alamat yang tempat tinggalnya tempat yang bukan dalam Negeri ini;"**

10.13 Maka, kesemua tindakan Penguatkuasa JAWI adalah jelas bertentangan dengan Enakmen Kedah yang terguna pakai dan berkuat kuasa ke atas OKT, yang merupakan seorang pemastautin di Kedah yang tertakluk kepada undang-undang negeri Kedah dan bukan undang-undang Wilayah Persekutuan.

11. Pelanggaran Dan Ketidakpatuhan JAWI Kepada Enakmen Kedah dan Akta Wilayah Persekutuan Menjadikan Keseluruhan Tindakan JAWI Taksah dan Terbatal

11.1 Hujahan di atas menunjukkan bahawa Penguatkuasa JAWI telah melakukan pelanggaran dan ketidakpatuhan bukan sahaja kepada Enakmen Kedah tetapi juga Akta Wilayah Persekutuan. Apabila terdapat pelanggaran peruntukan-peruntukan statutori, maka penangkapan, penahanan dan pendakwaan OKT di hadapan Mahkamah Yang Mulia ini menjadi tidak sah dan terbatal.

- 11.2 Dalam kes Puvaneswaran Murugiah v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor [1991] 3 CLJ (Rep) 649, Edgar Joseph Jr J telah memutuskan seperti berikut:

"It follows, therefore, that there has been a serious breach of the mandatory requirements of r. 3(2) the effect of which is to render the detainee's continued detention unlawful."

- 11.3 Selanjutnya, apabila terdapat keraguan tentang hak kebebasan diri, penafsiran undang-undang perlulah memihak kepada orang yang tertuduh. Dalam kes Andrew Thamboosamy v. Superintendent of Pudu Prisons Kuala Lumpur [1976] 1 LNS 5; [1976] 2 MLJ 156 Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa:

"With respect, we agree that any form of detention does violate art. 5(1) of the Constitution which reads:

No person shall be deprived of his personal liberty save in accordance with the law.

And hence power given by law to detain must be construed strictly and in cases of doubt or ambiguity the court should lean in favour of the subject. Government is the most powerful body in the country and the court should be vigilant to see that Government does not exceed its power when dealing with individuals."

- 11.4 Mahkamah Persekutuan juga telah memutuskan dalam kes SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2009] 6 CLJ 705 bahawa dalam kes-kes melibatkan tahanan, beban pembuktian terletak atas pihak berkuasa untuk membuktikan bahawa tahanan tersebut adalah sah dan tidak menyalahi undang-undang. YA Hakim Gopal Sri Ram HMP di muka surat 710 kes itu menjelaskan prinsip tersebut seperti berikut:

"[5] In my considered judgment the point at stake falls to be resolved with reference to the principles governing the burden of proof in an application for habeas corpus. It is settled law that on an application for habeas corpus **the burden of satisfying the court that the detention is lawful lies throughout on the detaining authority.** See, *Chng Suan Tze v. The Minister of Home Affairs & Ors And Other Appeals* [1988] 1 LNS 162. In *Mohinuddin v. District Magistrate, Beed* AIR [1987] SC 1977, the Supreme Court of India observed as follows in the context of art.22 of the Indian Constitution from which is drawn our art.151:

*'It is enough for the detainee to say that he is under wrongful detention, and **the burden lies on the detaining authority to satisfy the Court that the detention is not illegal or wrongful** and that the petitioner is not entitled to the relief claimed. This Court on more occasions than one has dealt with the question and it is now well-settled that it is incumbent on the State to satisfy the Court that the detention of the petitioner/detainee was legal and in conformity not only with the mandatory provisions of the Act but also strictly in accord with the constitutional safeguards embodied in Art. 22(5).'*"

11.5 Malah, bukan sahaja dalam perkara jenayah, tetapi dalam undang-undang sivil juga pelanggaran dan ketidakpatuhan tatacara yang menyebabkan tersalah laksana undang-undang dan keadilan ("*miscarriage of justice*") merupakan suatu perkara luar bidang kuasa iaitu *ultra vires* dan Mahkamah tidak boleh menguatkuasakan atau menjadi sahkan pelanggaran dan ketidakpatuhan itu.

11.6 Dalam *Lim Gait Tong v The Development Bank of Singapore Ltd* [2010] MLJU 335^[1], Mahkamah Rayuan memutuskan:

*"The courts are concerned with the **dispensation of both procedural and substantive justice** according to the merits of a given case. On a*

complaint of breach of a procedural provision the question to be asked is not whether the relevant provision is to be regarded as mandatory or directory. What the court should ask is whether the party complaining suffered injustice by reason of the procedural breach. In considering this appeal we were guided by this modern approach enunciated by Lord Woolf MR in R v Immigration Tribunal ex parte Jayenathan (1999) 3 All ER 221 as adopted by this court in Chong Keat Realty Sdn Bhd v Ban Hin Lee Bank Ltd (2003) 3 CLJ 532. The non-compliance of procedural requirements should not be treated as invalidating any action or other proceeding or step taken therein unless it occasions a substantial miscarriage of justice.”

- 11.7 Dalam **United Malayan Banking Corporation Bhd v Syarikat Perumahan Luas Sdn Bhd (No 2)** [1988] 3 MLJ 352^[2], Edgar Joseph Jr J (ketika itu) menyatakan:

*“In these circumstances, the charge having been registered in breach of an explicit statutory prohibition imposed on the title to the charged land pursuant to the provisions of s 120 of the Code, the title or interest of the chargee is defeasible since registration thereof had been obtained by means of an insufficient or void instrument (s 340(2)(b)) and also because the Registrar of Titles, in registering the charge, had acted ultra vires the powers conferred upon him: s 340(2)(c). The defence of estoppel accordingly fails since there cannot be an estoppel to evade the plain provisions of a statute: Jagabandhu v Radha Krishna ILR 36 Cal 920, particularly when as here, **the non-compliance goes to the root of the thing. In other words, if the terms of a statute are absolute and do not admit of any relaxation or exemption, anything done in contravention thereof, will be ultra vires and no person can be estopped from putting forward the contention that what was done was illegal or void: University of Delhi v Ashok Kumar Chopra AIR 1968 Delhi 131.***

Accordingly, no court is at liberty to enforce as valid, that which a statute has declared shall not be valid nor can compliance therewith be dispensed with even by consent of the parties or by failure to plead or argue the point at the outset: Surajmull v Triton Insurance Co Ltd AIR 1925 PC 83.”

11.8 Kes ini telah diikuti oleh kes-kes berikut:

- (a) **Toh Huat Khay v Lim A Chang** (in his capacity as the executor of the estate of Toh Hoy Khay, deceased), *supra*^[3];
- (b) **Datuk M Kayveas v PV DAS** (for himself and on behalf of People’s Progressive Party of Malaysia) [1997] 3 MLJ 671^[4], Mahkamah Rayuan;
- (c) **Holee Holdings (M) Sdn Bhd v Chai Him & Ors** [1997] 4 MLJ 601^[5], Mahkamah Tinggi; dan
- (d) **M&J Frozen Food Sdn Bhd & Anor v Siland Sdn Bhd & Anor** [1994] 1 MLJ 294^[6], Wan Yahya SCJ, memutuskan:

“In our present appeal, failure to comply with the statutory requirements of paras (a) and (b) of s 258 and para (c) of s 261(1) of the NLC is not just a case of non-compliance with some practical guidelines in the Code – a mere irregularity – but it is an illegality which strikes at the root of the proprietor’s right to be heard.”

11.9 Berdasarkan kesemua prinsip-prinsip undang-undang di atas, pelanggaran dan ketidakpatuhan Penguatkuasa JAWI kepada peruntukan Akta Wilayah Persekutuan dan Enakmen Kedah merupakan suatu ketidaksahan (“*illegality*”) bukan hanya salah aturan (“*irregularity*”).

12. **Pertuduhan Dibawah S. 9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Tidak Mematuhi S. 73 Akta Tatacara Jenayah Wilayah Persekutuan Dan Adalah Cacat dan Terbatal**

12.1 KPS telah juga mengemukakan satu pertuduhan terhadap OKT dibawah s. 9 Akta Kesalahan Jenayah WP bagi kesalahan “mengingkari pihak berkuasa agama; dengan mengingkari fatwa Mufti iaitu Fatwa Wilayah-Wilayah Persekutuan berkenaan Golongan Anti Hadith”.

12.2 Sesuatu pertuduhan dibawah seksyen tersebut memerlukan keizinan Ketua Pendakwa Syarie seperti diperuntukkan oleh s. 73 Akta Tatacara Jenayah Wilayah Persekutuan:

“73. Tiada pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah seksyen 4, 8, 9, 12 atau 13 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 boleh dimulakan kecuali dengan keizinan Ketua Pendakwa Syarie.”

Cetakan Bahasa Inggeris:

*“73. **No prosecution** for any offence under section 4, 8, 9, 12, or 13 of the Syariah Criminal Offences (Federal Territories) Act 1997 shall be instituted **except with the sanction** of the Chief Syariah Prosecutor.”*

12.3 Pada 6/5/2014, semasa pertuduhan dibawah s. 9 tersebut dibacakan, KPS telah tidak mengemukakan sebarang surat keizinan. Ini menjadikan pertuduhan tersebut taksah dan terbatal.

12.4 Jika KPS mahu menghujahkan bahawa kehadiran dirinya sendiri menjadikan peruntukan s. 73 tidak terpakai kerana kehadirannya itu menunjukkan beliau telah memberikan keizinan, itu satu hujahan yang salah. Panduan boleh didapati dari kes **Datuk Mahindar Singh v PP [1987] Rep CLJ 562** yang mana Hakim tersohor KC Vohrah memutuskan:

*“With regard to the matter of the sanction, it will be noted that the **sanction** of the Public Prosecutor (Solicitor General or a Deputy Public Prosecutor) **is required to be a "previous" sanction** and that it has, *inter alia*, to **be in the writing** (see subsection (iii) of s. 129), **clearly nullifying the argument** of the learned Deputy Public Prosecutor **that the presence of such an officer** at a subsequent hearing of the charges **implies that the said officer has sanctioned** the prosecution of the offences named in s. 129 of the Code.”*

- 12.5 Oleh kerana sepanjang masa prosiding, KPS telah tidak mengemukakan "Keizinan" tersebut maka, pertuduhan di bawah s.9 tersebut menjadi cacat, taksah dan terbatal.
- 12.6 Kegagalan Ketua Pendakwa Syarie mengemukakan sebarang keizinan bertulis dan juga sebarang dokumen-dokumen yang telah diminta mewajarkan Mahkamah yang Mulia ini untuk membuat inferens bertentangan di bawah **s. 114(g) Akta Keterangan 1950**.
- 12.7 Keengganan KPS dan Penguatkuasa JAWI untuk menyerahkan dokumen-dokumen yang dipohon menimbulkan andaian bahawa pihak pendakwaan memang tidak mempunyai dokumen tersebut atau hendak menyembunyikan kesalahan-kesalahan, ketidakpatuhan-ketidakpatuhan dan pelanggaran-pelanggaran Akta Wilayah Persekutuan dan Enakmen Kedah.
13. **Pertuduhan Oleh KPS terhadap OKT dibawah S. 9 Akta Kesalahan Jenayah WP Tidak Boleh Dikemukakan Terhadap Pemastautiin Kedah Dan Adalah Cacat dan Terbatal**
- 13.1 Pertuduhan yang dikemukakan oleh KPS terhadap OKT dibawah s. 9 Akta Kesalahan Jenayah WP adalah untuk satu kesalahan mengingkari Fatwa Wilayah Persekutuan. Fatwa Wilayah Persekutuan hanya terpakai bagi pemastautin-pemastautin di Wilayah Persekutuan.

13.2 S.34(3) Akta Pentadbiran WP dengan jelas memperuntukkan:

“Fatwa.

(3) Apabila disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang bermastautin di Wilayah-Wilayah Persekutuan sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajibannya di sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak tidak mengikut fatwa itu dalam perkara perkara amalan, kepercayaan, atau pendapat peribadi.”

13.3 Fakta yang tidak dinafikan ialah OKT adalah seorang pemastautin di Kulim, Kedah. OKT bukan pemastautin di Wilayah Persekutuan dan Fatwa Wilayah Persekutuan [P.U. (B) 51] adalah tidak terpakai terhadapnya. Maka, KPS tidak boleh mengemukakan sesuatu pertuduhan berkenaan fatwa yang tidak terpakai keatas keseseorang yang tidak terikat dengan fatwa tersebut. Dalam istilah Inggeris, pertuduhan sedemikian dipanggil “groundless charge”.

14. **Pencabulan Hak Asasi OKT Yang Termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan**

14.1 Tindakan Pencerobohan oleh Penguatkuasa JAWI dalam melangkaui had dan sempadan bidang kuasa dan pelanggaran Akta Wilayah Persekutuan dan juga pelanggaran dan pencerobohan Enakmen Kedah mencabul hak OKT yang dijamin di bawah **Perkara 5 (1) Perlembagaan Persekutuan:**

“Perkara 5. Kebebasan diri

(1) Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.

(2) Jika pengaduan dibuat kepada Mahkamah Tinggi atau mana-mana hakim Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa seseorang

sedang ditahan dengan menyalahi undang-undang, maka mahkamah itu hendaklah menyiasat pengaduan itu dan, melainkan jika mahkamah itu berpuas hati bahawa tahanan itu adalah sah, hendaklah memerintahkan supaya orang itu dibawa ke hadapan mahkamah itu dan melepaskannya.

- 14.2 Penguatkuasa JAWI juga telah melanggar hak asasi OKT di bawah **Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan** apabila gagal mengemukakan sebarang dokumen atau maklumat tentang penangkapan OKT semasa penangkapan dibuat:

“Jika seseorang ditangkap maka dia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh alasan-alasan dia ditangkap dan dia hendaklah dibenarkan berunding dengan dan dibela oleh seorang pengamal undang-undang pilihannya.”

- 14.3 Dalam kes **Aminah v. Superintendent of Prisons, Pengkalan Chepa, Kelantan [1967] 1 LNS 5** diputuskan :-:

Counsel then referred to article 22(1) of the Indian Constitution, which is indeed substantially the same as our article 5(3). At page 104 of Volume 2 of the 5th Edition of Basu's Commentary on the Constitution of India under the heading "Right to be informed of the grounds" appears in the following passage:

*Hence, though it is not necessary for the authorities to furnish full details of the offence, **sufficient particulars must be furnished to enable the arrested person to understand why he has been arrested.** The ground to be communicated to the arrested person should be somewhat **similar to the charge by the court for the trial of a case.** Thus merely to inform the person that he has been arrested under section 7 of the Criminal Law Amendment Act 1932, **without giving any particulars** of the alleged acts for which such action has been*

taken against him is not sufficient compliance with article 22(1).

- 14.4 Fakta menunjukkan bahawa sepanjang penahanan salah dan taksah OKT iaitu selama 27 jam, OKT langsung tidak dibenarkan menghubungi atau mendapatkan sebarang bantuan dari luar samada daripada peguamnya atau ahli-ahli keluarganya yang lain.
- 14.5 Hak OKT untuk mendapatkan pembelaan daripada pengamal undang-undang adalah hak mutlak dan substantif yang terpelihara di bawah Perlembagaan Persekutuan dan hendaklah dipatuhi tanpa sebarang kompromi. Dalam kes **Zulkri bin Yakub v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2014] 7 MLJ 91**, Mahkamah Tinggi Sivil memutuskan bahawa kegagalan pihak berkuasa membenarkan pihak tertuduh dibela oleh pengamal undang-undang merupakan ketidakpatuhan tatacara serius yang menyebabkan penahanan tertuduh tidak sah dan salah di sisi undang-undang. YA Amelia Tee Abdullah J memutuskan bahawa:

“The court finds that this serious procedural non-compliance constitutes a breach of the mandatory requirement of r 5(1) of the Rules which would render the applicant’s continued detention to be unlawful.”

- 14.6 Dalam kes itu juga, YA Amelia Tee Abdullah J memetik kes **Parasuraman a/l Velu v Ketua Polis Negara, Malaysia & Ors [2006] 5 MLJ 764** yang mana Mahkamah Tinggi dalam kes itu telah memutuskan bahawa:

“The right given to a detainee to be represented by a legal counsel is a real and substantive right guaranteed under the Constitution..... and must be strictly adhered to.”

- 14.7 Selanjutnya, S. 22 (2) dan (3) Akta Tatacara Jenayah WP memperuntukkan bahawa seseorang tahanan tidak boleh ditahan melebihi 24 jam. Namun, dalam kes ini OKT telah ditahan melebihi 27 jam tanpa dibenarkan

menghubungi atau mendapatkan sebarang bantuan dari luar samada daripada peguamnya atau ahli-ahli keluarganya yang lain sehinggalah diarahkan untuk membayar bon.

14.8 Penyiasatan Penguatkuasa JAWI terhadap OKT di lewat malam adalah juga pencabulan hak asasi OKT. Adalah sangat menyedihkan dan bertentangan dengan mana-mana prinsip kemanusiaan untuk menyoal siasat OKT yang telahpun ditahan lebih daripada 24 jam sejak 11.30 pagi dan tambahan lagi dilarikan dari negeri mastautinnya ke negeri lain.

14.9 Setelah ketibaan OKT di Wilayah Persekutuan, OKT disoal siasat dari jam 1.30 pagi hingga 3.30 pagi. Tindakan ini adalah jelas bertentangan dengan **Kaedah 20 Kaedah-kaedah Lokap 1953** yang memperuntukkan bahawa setiap tahanan hendaklah dihantar ke lokap pada 6.30 petang sehingga 6.30 pagi supaya mendapat rehat sekurang-kurangnya untuk tempoh 12 jam.

14.10 Kaedah 34 Kaedah-kaedah Lokap 1953 juga memperuntukkan bahawa tanggungjawab mematuhi undang-undang bertulis dan kaedah-kaedah lokap adalah terletak dengan pegawai bertanggungjawab. Oleh demikian, kaedah-kaedah lokap haruslah dipatuhi tanpa sebarang alasan oleh Penguatkuasa JAWI untuk tidak mencabuli hak asasi OKT.

14.11 Dalam kes ini, OKT ditahan berterusan dari rumahnya di Kulim Kedah, sehingga dibawa ke Wilayah Persekutuan tanpa diberikan sebarang kerehatan kepada OKT yang telah pun berusia 80 tahun.

15. **Proses Membawa OKT Menghadapi Pertuduhan Adalah Taksah Dan Terbatal Sehingga Mengakibatkan Mahkamah Belum Memiliki Bidangkuasa Untuk Mendengar Dan/Atau Meneruskan Sebarang Prosiding Perbicaraan**

15.1 Oleh sebab perkara-perkara yang diujahkan diatas, keseluruhan tindakan pendakwaan terhadap OKT menjadi cacat dan terbatal sehingga mengakibatkan Mahkamah Yang Mulia ini belum memiliki bidangkuasa untuk

mendengar dan/atau meneruskan pertuduhan atau sebarang prosiding perbicaraan.

15.2 KPS telah mengemukakan pertuduhan-pertuduhan terhadap OKT yang di luar bidang kuasa Mahkamah Yang Mulia Ini terutama sekali pertuduhan dibawah s. 9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah WP berkenaan dengan Fatwa Wilayah Persekutuan yang tidak terpakai ke atas OKT.

15.3 Maka, dengan segala rasa hormat dan takzim kami menghujahkan bahawa Mahkamah yang Mulia ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar atau membicarakan sebarang pertuduhan terhadap seseorang tertuduh apabila JAWI telah melangkaui bidang kuasa tempatan dan bidang kuasa wilayahnya. Oleh itu Mahkamah perlulah membatalkan pertuduhan di bawah seksyen 9 Akta Jenayah Syariah WP yang dibuat terhadap OKT.

16. **Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi Syariah WP Telah Mengenakan Syarat Jaminan Yang Tidak Mematuhi Peruntukan Akta Tatacara Jenayah WP Yang Menjadikannya Taksah Dan Terbatal**

16.1 Setelah Mahkamah membenarkan OKT dilepaskan dengan jaminan, isteri OKT telah bersedia menjadi penjamin. Walaubagaimanapun, Pejabat Pendaftaran Mahkamah telah mengenakan syarat tambahan bahawa penjamin bukan sahaja mesti seorang warganegara Malaysia, tetapi juga mesti bermastautin di Wilayah Persekutuan. Akibatnya, tempoh tahanan OKT menjadi lebih panjang apabila isteri OKT ditolak daripada menjadi penjamin kerana isteri OKT bukan seorang pemastautin di Wilayah Persekutuan.

16.2 Akibatnya, OKT berterusan dalam tahanan salah berpanjangan untuk tempoh melebihi daripada 27 jam. Tindakan Pejabat Pendaftaran Mahkamah Syariah adalah tidak sah kerana mencipta atau mengenakan keperluan tambahan yang tidak diperuntukkan oleh undang-undang seperti termaktub dalam Akta Tatacara Jenayah Syariah. Oleh demikian, syarat yang dikenakan oleh Pendaftaran Mahkamah Syariah adalah taksah dan terbatal.

16.3 Namun, hal tersebut juga menunjukkan bahawa setiap negeri di Malaysia mempunyai undang-undang yang tersendiri berkenaan pelaksanaan hukum Islam melalui Akta dan Enakmen masing-masing seperti diujahkan di perenggan 7 di atas. Oleh itu, JAWI dan Mahkamah Syariah di sesuatu negeri tidak boleh melangkaui bidangkuasa tempatan masing-masing.

17. **Niat Jahat (Mala Fide) Penguatkuasa JAWI Menjadikan Pendakwaan Taksah Dan Terbatal**

17.1 Tindakan pencerobohan Penguatkuasa JAWI yang melanggar Akta Wilayah Persekutuan dan Enakmen Kedah merupakan satu tindakan niat jahat (*mala fide*).

17.2 Dalam kes **Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2005] 3 CLJ 914**, Mahkamah Persekutuan telah merujuk kepada kes **Karpal Singh s/o Ram Singh v Menteri Hai Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor [1988] 1 MLJ 468; [1988] 1 CLJ 197** untuk menjelaskan takrif '*mala fide*' sebagai:

"Mala fide does not mean at all a malicious intention. It normally means that a power is exercised for a collateral or ulterior purpose, that is, for a purpose other than the purpose for which it is professed to have been exercised."

17.3 Niat jahat (*mala fide*) boleh dirumuskan daripada kecuaiian melampau atau kegagalan membuat pertanyaan-pertanyaan yang betul dan tepat, atau tidak memeriksa maklumat untuk kepastian – lihat kes **Vijendran Ponniah v MBF Country Homes Resorts Sdn Bhd & Anor [2002] 1 MLJ 535** yang menghuraikan niat jahat (*malice*) seperti berikut :-

"In SMT SR Venkataraman v Union of India & Anor AIR 1979 SC 49, the Supreme Court of India relied on Viscount Haldane's description of malice as stated in Shearer v Shields [1914] AC 808 at p 813 which reads as follows:

*A person who inflicts an injury upon another person in contravention of the law is **not allowed to say that he did so with an innocent mind**; he is taken to know the law, and he **must act within the law**. He may, **therefore, be guilty of malice in law**, although, so far as the state of his mind is concerned, he acts ignorantly, and in that sense innocently.*

The Supreme Court of India then proceeded to give its own views on malice at p 51:

*Thus, **malice in its legal sense means malice such as may be assumed from the doing of a wrongful act intentionally but without just cause or excuse, or for want of reasonable or probable cause.***"

17.4 Penguatkuasa JAWI yang kononnya ingin menegakkan Hukum Syarak tetapi mereka sendiri tidak mematuhi dan menghormati perlindungan yang diberikan oleh undang-undang kepada orang yang tertuduh sedangkan seseorang yang tertuduh adalah dianggap tidak bersalah sehingga disabitkan hukuman. Ini merupakan prinsip Islam yang jelas, iaitu prinsip fiqh *istishab* seperti berikut:

- *يفيروه ما يثبت حتى ما كان على ما كان بقاء الاصل*
"pada asalnya segala sesuatu itu tetap (hukumnya) berdasarkan ketentuan yang telah ada sehingga ada dalil yang merubahnya."
- *لأصلا في الذمة البراءة من تكاليفها والحقوق*
"Hukum asal pada setiap orang terbebas daripada taklif dan tanggung jawab"

17.5 OKT tidak seharusnya diperlakukan lebih teruk daripada seorang yang telah disabitkan kesalahan. Penguatkuasa JAWI juga tidak boleh dengan sewenang-wenangnya melanggar peruntukan undang-undang yang menjamin hak seseorang yang dituduh.

- 17.6 Malah Tindakan Pencerobohan Penguatkuasa JAWI terhadap OKT adalah dicela oleh s. 212 Tatacara Jenayah WP yang memperuntukkan:

“211. Barang siapa, yang menjadi pegawai agama, dengan disedarinya mengingkari apa-apa arahan undang-undang tentang cara bagaimana dia dikehendaki berkelakuan sebagai pegawai itu, dengan niat hendak menyebabkan, atau dengan mengetahui bahawa ada kemungkinan dia akan, dengan keingkarannya itu, menyebabkan bencana kepada mana-mana orang adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya”.

18. Pentafsiran Pertembungan Undang-Undang Dan Bidangkuasa Tidak Terletak dengan Mahkamah Syariah

- 18.1 Hujahan di atas menunjukkan bahawa bukan sahaja Penguatkuasa JAWI, KPS dan Mahkamah yang Mulia ini berhadapan dengan isu pertembungan antara Akta Wilayah Persekutuan dengan Enakmen Kedah, Pulau Pinang dan Selangor, malah hal tersebut menjejaskan bidang kuasa Mahkamah Yang Mulia ini.
- 18.2 Oleh sebab terdapat pelanggaran, pencerobohan dan pencabulan Enakmen Kedah oleh Penguatkuasa JAWI, OKT tidak boleh ditangkap dan dilarikan dari Kedah ke Wilayah Persekutuan untuk menghadapi pertuduhan di Mahkamah Yang Mulia ini kerana perkara tersebut tidak menjadi kesalahan di bawah Enakmen Kedah.
- 18.3 Pertembungan dalam peruntukan undang-undang substantif dan tatacara di antara Enakmen Kedah dengan Akta Wilayah Persekutuan memerlukan undang-undang di antara dua negeri tersebut ditafsirkan dan ditentukan sebelum Mahkamah Yang Mulia ini boleh mempunyai bidang kuasa untuk

mendengar dan/atau membicarakan pertuduhan terhadap OKT. Namun, kuasa untuk mentafsirkan perbezaan undang-undang dua negeri tidak terletak dengan Mahkamah Syariah.

18.4 Perkara 128 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

"128. Jurisdiction of Federal Court.

(1) The Federal Court shall, to the exclusion of any other court, have jurisdiction to determine in accordance with any rules of court regulating the exercise of such jurisdiction

(a) any question whether a law made by Parliament or by the Legislature of a State is invalid on the ground that it makes provision with respect to a matter with respect to which Parliament or, as the case may be, the Legislature of the State has no power to make laws; and

(b) disputes on any other question between States or between the Federation and any State,

(2) Without prejudice to any appellate jurisdiction of the Federal Court, where in any proceedings before another court a question arises as to the effect of any provision of this Constitution, the Federal Court shall have jurisdiction (subject to any rules of court regulating the exercise of that jurisdiction) to determine the question and remit the case to the other court to be disposed of in accordance with the determination.

(3) The jurisdiction of the Federal Court to determine appeals from the Court of Appeal, a High Court or a judge thereof shall be such as may be provided by federal law (emphasis added)."

- 18.5 Adalah jelas bahawa persoalan samada tindakan-tindakan Penguatkuasa JAWI telah mencabul antara lainnya Perkara 5, 8(1), 10(1)(a) dan 11 Perlembagaan Persekutuan dan pelbagai akta-akta undang-undang sivil yang akan dibangkitkan di hadapan Mahkamah Sivil adalah persoalan yang terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil untuk penentuan dan bukan Mahkamah Syariah.
- 18.6 Dalam kes **Abdul Kahar Ahmad v Kerajaan Negeri Selangor & Ors [2008] 4 CLJ 309**, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan di perenggan-perenggan 17 - 20:

"Nowhere in the Constitution is there a provision that the determination of Islamic Law for the purpose of interpreting the Federal Constitution is a matter for the State Legislature to make law to grant such jurisdiction to the syariah court. Hence, there is no such provision in the State Enactments to grant such jurisdiction to syariah courts. In fact, it cannot be done. On the other hand, item 4(k) of List I, Federal List of the Ninth Schedule goes further to provide that:

(k) Ascertainment of Islamic Law and other personal laws for purposes of federal law is a federal matter.

Reliance was made on the provision of Art. 121 (1A) of the Constitution. With respect, this article does not confer jurisdiction on Syariah courts to interpret the Constitution to the exclusion of this court.

As I have said a number of times, ending with Latifah (supra), that provision was inserted to avoid a situation as in Myriam v. Ariff [1971] 3 LNS 1; [1971] 1 MLJ 265, not to oust the jurisdiction of this court in matters that rightly belong to it. Before the jurisdiction of this court is excluded, it must be shown that the Syariah Court has jurisdiction over the

matter first. That is not the case here. In fact, the Constitution provides to the contrary. Article 128(1) of the Federal Constitution provides:

That, in effect, is what the Majlis Agama Islam is saying that Syariah High Court should determine. That is a matter for this court to decide, not the Syariah High Court. Whether the impugned provisions are within the scope that the State Legislature has jurisdiction to make or not and whether they are valid or not, will be decided when we hear the petition."

Autoriti Lanjutan: Latifah Mat Zin v Rosmawati bte Sharibun & Anor [2007] 5 CU 253.

18.7 Adalah jelas bahawa bidangkuasa untuk menentukan apa-apa konflik berkaitan Perlembagaan Persekutuan dengan undang-undang negeri, interpretasi dan percanggahan antara apa-apa undang-undang samada undang-undang negeri/persekutuan atau undang-undang Persekutuan termasuk penentuan undang-undang Islam bagi tujuan mentafsir undang-undang Persekutuan atau Perlembagaan Persekutuan adalah terletak pada Mahkamah Tinggi Sivil dan Mahkamah Persekutuan dan bukannya Mahkamah Syariah.

19. Kesimpulan

19.1 Mahkamah Yang Mulia ini juga boleh merujuk kepada keputusan Mahkamah Syariah Negeri Sembilan dalam kes Timbalan Pendakwa Syarie v Zuriah Md Shariff (2004) 17 JH 221 yang telah membatalkan pendakwaan terhadap seseorang tertuduh setelah mendapati bahawa tertuduh bukan pemastautin negeri tersebut.

19.2 Kesediaan Mahkamah Yang Mulia ini mengikut preseden kes tersebut akan menciptakan satu prinsip yang konsisten dan selari dengan keputusan dari mahkamah-mahkamah syariah negeri lain.

19.3 Sayugianya, kami dengan penuh takzim dan hormat menghujahkan bahawa Mahkamah Yang Mulia ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk meneruskan prosiding pendakwaan ini dan memohon supaya kesemua pertuduhan terhadap OKT dibatalkan dan OKT hendaklah dibebaskan dan dilepaskan.

Bertarikh 26 haribulan Mei, 2014.

b/p-


.....
Rosli Bin Dahlan

Peguam Syarie bagi OKT

Tetuan Lee Hishammuddin Allen & Gledhill

Penghujahan ini difailkan oleh Tetuan Lee Hishammuddin Allen & Gledhill (dahulunya dikenali sebagai Tetuan Lee Hishammuddin), Level 16, Menara Tokio Marine Life, 189 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Peguamcara bagi pihak Tertuduh yang dinamakan di atas.

(No. Tel: 03-21612330/ No. Faks: 03-21613933) (AKA/RD/47112/14)

LAMPIRAN F

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
(BAHAGIAN RAYUAN & KUASA-KUASA KHAS)
PERMOHONAN UNTUK SEMAKAN KEHAKIMAN
NO: 25-137- 06/2012

ANTARA

1. Berjaya Books Sdn Bhd
2. Stephen Fung Wye Keong
3. Nik Raina binti Nik Abdul Aziz - Pemohon-Pemohon

DAN

1. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
2. Menteri Dalam Negeri
3. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri
(Hal Ehwal Islam) - Responden-Responden

GROUND OF JUDGMENT

The 1st applicant owns the Borders Bookstore (Borders), an internationally renowned chain of bookstores. The 2nd applicant is Borders' General Manager of Operations and Merchandising, who is responsible for the selection of titles range of stock of books and publications displayed and sold in Borders. The 3rd applicant is a Borders' employee, who is assigned as the store manager for the Borders branch in The Gardens, Midvalley.

[2] The application for judicial review by the applicants in this instance is against the decisions by the 1st respondent, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, in raiding and searching the premises of the 1st applicant and seizing publications therein and examining the 1st applicant's Muslim and non-Muslim employees on 23.5.2012 and in arresting the 3rd applicant on 30.5.2012 and prosecuting the 3rd applicant on 19.6.2012 .

Background Facts

[1] On 23.5.2012, the 1st respondent's officers accompanied by a group of reporters and photographers raided the Borders Bookstore at The Gardens, Midvalley. During the raid, the 1st respondent's officers seized several books by an international writer, Irshad Manji, titled "Allah, Kebebasan dan Cinta" and "Allah, Liberty and Love"(Publications"). At the material time, the publications were not subject to any prohibition order by the Ministry of Home Affairs (KDN). The 1st respondent's officers proceeded to examine the Muslim and non- Muslim employees of Borders, and issued Orders compelling them to be further subjected to investigation and examination.

[2] On 29.5.2012, KDN made a Prohibition Order vide Gazette Notification P.U(A) 162 known as Printing Presses and Publications (Control of Undesirable Publication) (No. 3) Order 2012 ("the said Prohibition Order") and issued on 14.6.2012, 3 weeks after the raid. As ordered by the 1st respondent, the 2nd applicant, the 3rd applicant and another Borders' employee, Farihna Mohamed Fadhlullah, attended the 1st respondent's office on 30.5.2012 to assist with their investigations and to be examined. Though the 2nd applicant is a non-Muslim, in the spirit of co-operation Borders still directed him to be examined.

[3] However, the 3rd applicant was arrested on that day, 30.5.2012. The applicants made various representations to 1st respondent, the Minister of KDN, the 2nd respondent and Minister Hal Ehwal Islam, 3rd respondent, but the 1st respondent still insisted that it would prosecute the 3rd applicant under s.13 of the Syariah Criminal Offences (Federal Territories) Act 1997 for the offence of disseminating/distributing by way of selling publications deemed contrary to Hukum Syarak ("Islamic Law"). Hence, this application .

Reliefs Sought

The following are the reliefs sought by the applicants:-

- a) suatu Perintah Certiorari membatalkan tindakan keputusan oleh pegawai-pegawai Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan ("JAWI") dalam menyerbu, menggeledah, merampas dan menyita bahan terbitan di premis Pemohon Pertama dan memeriksa pekerja-pekerja Pemohon Pertama pada 23.5.2012 dan juga Perintah Hadir Memberi Keterangan Mengikut seksyen 58(1) Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 ("Akta Prosedur 1997") bertarikh 23.5.2012 terhadap pekerja-pekerja Pemohon Pertama iaitu Stephen Fung Wye Keong dan Nik Raina binti Nik Abdul Aziz yang merupakan Pemohon Kedua dan Pemohon Ketiga ("Tindakan JAWI") dan suatu Perintah Mandamus supaya JAWI mengemukakan semua rekod dan dokumen berkenaan Tindakan JAWI kepada Mahkamah Yang Mulia ini untuk disemak supaya JAWI diarahkan menarik balik dan membatalkan Tindakan JAWI tersebut;
- b) suatu Perintah Certiorari membatalkan keputusan tangkapan, Bon Diri bertarikh 30.5.2012 dan tindakan pendakwaan oleh JAWI terhadap Pemohon Ketiga dan selanjutnya suatu Perintah Mandamus supaya JAWI mengemukakan semua rekod dan dokumen berkenaan tangkapan, Bon Diri dan suratcara pendakwaan terhadap Pemohon Ketiga kepada Mahkamah Yang Mulia ini untuk disemak supaya JAWI diarahkan menarik balik dan membatalkan tangkapan, Bon Diri dan pendakwaan terhadap Pemohon Ketiga;

- c) suatu deklarasi bahawa Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 ("AKJS 1997") dan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 ("Akta Pentadbiran 1993") adalah akta-akta yang hanya terpakai kepada orang Islam sahaja dan selanjutnya peruntukan tatacara dan prosedur untuk pelaksanaan akta-akta tersebut yang terkandung dalam Akta Prosedur 1997 juga terpakai ke atas orang Islam sahaja;
- d) suatu deklarasi bahawa oleh kerana AKJS 1997 tidak mempunyai peruntukan melarang bahan terbitan yang melanggar hukum Syarak, maka sebarang tindakan penguatkuasaan di bawah seksyen 13 AKJS 1997 hanya boleh dibuat setelah Kementerian Dalam Negeri ("KDN") membuat perintah larangan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ("Akta Cetak 1984"), dengan mengeluarkan suatu Perintah Kawalan Hasil Penerbitan Tidak Diingini;
- e) suatu deklarasi bahawa oleh kerana penguatkuasaan dalam bentuk Tindakan JAWI dibuat pada 23.5.2012 sebelum KDN membuat sebarang perintah larangan di bawah Akta Cetak 1984, maka tindakan JAWI tersebut adalah tidak sah dan terbatal;
- f) suatu deklarasi bahawa oleh kerana Perintah Mesin Cetak dan Penerbitan (Kawalan Hasil Penerbitan Tidak Diingini) (No.3) 2012 hanya dibuat oleh KDN dalam Warta Kerajaan P.U.(A) 162 pada 29.5.2012, maka Tindakan JAWI terhadap Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua dan semua tindakan susulan dalam tangkapan dan pendakwaan terhadap Pemohon Ketiga adalah tidak sah dan terbatal;
- g) suatu deklarasi bahawa menurut Fasal 121(1) Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah yang mempunyai bidangkuasa dan merupakan forum yang layak dan sesuai bagi memberikan tafsiran berkenaan pemakaian Akta Cetak 1984 ke atas AJKS 1997, Akta Pentadbiran 1993, Akta Prosedur 1997 adalah Mahkamah Tinggi Malaya dan bukan Mahkamah Syariah;

- h) suatu deklarasi bahawa oleh sebab perkara yang dinyatakan di perenggan (g) di atas, JAWI tidak boleh membuat atau meneruskan sebarang pendakwaan terhadap Pemohon Ketiga sehinggalah pelupusan Semakan Kehakiman ini;
- i) suatu Perintah bahawa segala prosiding lanjut dalam Tindakan JAWI, tindakan tangkapan dan semua tindakan susulan termasuk pendakwaan ke atas Pemohon Ketiga digantung, sehingga pelupusan akhir dan muktamad permohonan untuk semakan kehakiman ini;
- j) pampasan ditaksirkan di atas aib, trauma, ketakutan, kehilangan, kerugian, kesusahan, kerosakan reputasi dan nama baik yang dialami dan ditanggung oleh Pemohon-Pemohon akibat Tindakan JAWI yang salah ke atas Pemohon Pertama dan Kedua dan tindakan tangkapan dan pendakwaan ke atas Pemohon Ketiga ;
- k) bahawa segala arahan dan perintah yang perlu dan berikutan diberi;
